

**AMALAN SOLAT FARDHU MURID TAHUN TIGA
DI SEKOLAH RENDAH**

Nur Faridah binti Abdullah @ Zakaria
No. Matrik: 1122554

Latihan Ilmiah ini dikemukakan bagi memenuhi syarat memperolehi
IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH) DENGAN KEPUJIAN

Fakulti Pengajian Bahasa Utama
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
Nilai

JULAI 2016

PENGAKUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Adalah dengan ini saya mengaku bahawa semua hasil tulisan dan tugas dalam kajian ini adalah hasil nukilan saya sendiri melainkan petikan dan ringkasan yang telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh: 5 Julai 2016.

Tandatangan :

Nama : Nur Faridah Binti Abdullah @ Zakaria

No. Matriks : 1122554

Alamat : No 13, Taman Arked,
Jalan Arked 1/2,
43800 Dengkil,
Selangor.

PENGHARGAAN



Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi dengan limpah dan kurnia-Nya, saya telah berjaya menyiapkan latihan ilmiah yang bertajuk ‘Amalan Solat Fardhu Murid Tahun Tiga di Sekolah Rendah’ yang telah dijalankan di sekolah saya sendiri iaitu Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 14(1).

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu **Dr Noorhayati binti Hashim** di atas segala bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat sepanjang tempoh penulisan latihan ilmiah ini.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga kepada semua Pensyarah USIM yang terlibat dalam Program Pensiswazahan Guru (PPG) kerana memberi peluang kepada kami mendapatkan ilmu dan memberikan panduan sepanjang pengajian saya. Tanpa kalian, saya tidak dapat ke tahap sekarang ini.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pihak pentadbir dan guru-guru sekolah yang sudi memberikan kerjasama khususnya anak-anak didik saya, murid-murid tahun tiga untuk menjadi responden dalam kajian saya ini.

Sekalung terima kasih yang tidak terhingga juga kepada keluarga tersayang, rakan-rakan seperjuangan yang sentisa memberi dorongan dan semangat. Juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu saya menyempurnakan kajian latihan ilmiah ini. Saya memanjatkan doa ke hadrat Allah SWT agar menjadikan segala apa yang diusahakan ini sebagai amalan kepada generasi akan datang.

ABSTRAK

Solat merupakan satu ibadah yang wajib dilaksanakan oleh setiap individu Muslim. Solat yang sempurna dapat menjauhkan manusia dari segala perbuatan mungkar. Penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengetahui sejauhmana kefahaman murid-murid tahun Tiga sekolah rendah terhadap pengamalan dan kepentingan ibadah solat dalam kehidupan seharian mereka. Kajian ini mempunyai tiga skop kajian iaitu tahap pengamalan, faktor-faktor utama yang mempengaruhi murid melaksanakan ibadah solat dan kepentingan melaksanakan ibadat solat. Responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada murid Muslim Tahun Tiga Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 14(1), Putrajaya. Jumlah keseluruhan sampel yang dipilih secara rawak adalah seramai 69 orang iaitu satu pertiga daripada jumlah keseluruhan murid tahun Tiga. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Penyelidik menggunakan statistik deskriptif untuk mendapatkan nilai min dan peratus serta statistik inferensi Korelasi Person. Hasil analisis menunjukkan bahawa responden mengetahui dan memahami tentang kepentingan solat dengan jumlah skor min yang tinggi iaitu (4.21). Namun, tahap pengamalan murid dalam melaksanakan solat masih sederhana dan kurang memuaskan iaitu dengan jumlah skor min (2.33). Perkara ini perlu dipandang serius oleh semua pihak untuk menjadikan amalan solat sebagai rutin harian murid. Oleh itu, beberapa cadangan turut dikemukakan kepada pihak tertentu untuk diambil tindakan bagi meningkatkan tahap kesedaran dan mempertingkatkan lagi pengamalan solat dalam kalangan murid khususnya di Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 14(1), Putrajaya.

Kata kunci: *Amalan, kepentingan dan solat*

ABSTRACT

Prayer is a routine that must be implemented by every Muslim individuals. Perfect prayer can keep people from evil acts. This research was conducted to determine the extent of the pupils understanding in year three primary schools to practice and the importance of prayers in their daily lives. This research has three scope of the practice, the key factors that affect the students perform prayers and the importance of implementing prayers. The respondents was year five pupils from SK Putrajaya Presint 14(1), Putrajaya. The total number of the selected sample was 69 pupils, which is one third of the total number of the year three. In this study, researchers used a questionnaire as an instrument. The researchers used descriptive statistics to obtain mean and percent correlation and statistical inference Person using the Statistical Package For The Social Sciences (SPSS) version 20.0 software. The analysis showed that the respondents were aware and understand the importance of prayer with the total high score (4.21). However, the practice of praying in pupils is average and less satisfactory with a total mean score (2.33). This matter should be taken seriously by all parties to make the practice of prayer as a daily routine of pupils. Thus, several proposals were submitted to the parties to take action to raise awareness and improve the practice of prayer among pupils, especially in Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 14(1), Putrajaya.

Keywords : *practice, importance, prayer*

KANDUNGAN

HALAMAN TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI LAMPIRAN	x
SINGKATAN	xi
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 PENDAHULUAN	1
1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN	9
1.3 PERNYATAAN MASALAH KAJIAN	13
1.4 OBJEKTIF KAJIAN	17
1.5 PERSOALAN KAJIAN	17
1.6 KEPENTINGAN KAJIAN	18
1.7 LIMITASI KAJIAN	20
1.8 DEFINISI OPERASIONAL	21
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	22
2.1. PENDAHULUAN	22
2.2. KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN	23
2.2.1 Perbincangan Teori Berkaitan	24
2.3. KUPASAN KAJIAN LEPAS	27
2.4 KESIMPULAN	35

BAB 3 METODOLOGI	36
3.1. PENDAHULUAN	36
3.2. REKA BENTUK KAJIAN	36
3.3. KAEDAH TINJAUAN	40
3.4. PERSAMPELAN KAJIAN	42
3.5. INSTRUMEN KAJIAN	42
3.6. PENGUMPULAN DATA	43
3.6.1 Soal Selidik	43
3.7 PENGANALISISAN DATA	43
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	44
4.1 PENDAHULUAN	44
4.1.1 Bahagian A : Maklumat Asas/Demografi/Diri Murid	45
4.1.2 Bahagian B : Amalan Solat	47
4.1.3 Bahagian C : Faktor-faktor Dalam Melaksanakan Solat	51
4.1.4 Bahagian D : Kepentingan Solat	55
BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	59
5.1 PENDAHULUAN	59
5.2 RUMUSAN DAPATAN KAJIAN	59
5.2.1 Bahagian A : Maklumat Asas/Demografi/Diri Murid	59
5.2.2 Bahagian B : Amalan Solat	60
5.2.3 Bahagian C : Faktor-faktor Dalam Melaksanakan Solat	63
5.2.4 Bahagian D : Kepentingan Solat	68
5.3 IMPLIKASI KAJIAN	71
5.4 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN	74
5.5 PENUTUP	75
RUJUKAN	77
LAMPIRAN	80

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
1	Maklumat Responden Kajian	45
2	Amalan Solat	47
3	Faktor-faktor Dalam Melaksanakan Solat	51
4	Tahap Skor Min Faktor-faktor Dalam Melaksanakan Solat	54
5	Kepentingan Solat	55
6	Tahap Skor Min Kepentingan Solat	58

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	HALAMAN
1	Kerangka Konseptual Kajian	23
2	Kerangka Konsepsi Kajian Tentang Kefahaman dan Penghayatan Amalan Solat	38
3	Kerangka Konsepsi Kajian Mengenai Input Dan Output Kefahaman Dan Penghayatan Amalan Solat	39

SENARAI LAMPIRAN**LAMPIRAN****TAJUK**

- | | |
|---|---|
| 1 | Borang Soal Selidik |
| 2 | Surat Permohonan Mengutip Data Dan Membuat Rujukan Bagi Kursus EBP4293 Latihan Ilmiah (Penulisan Tesis) |

SENARAI SINGKATAN

PAFA	Perkara Asas Fardhu Ain
KAFA	Kelas A-Quran dan Fardhu Ain
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
PdP	Pengajaran Dan pembelajaran
BBB	Bahan Bantu Belajar
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	Statistical Package For Social Science
SS	Sangat Setuju
S	Setuju
KS	Kurang Setuju
TS	Tidak Setuju
STS	Sangat Tidak Setuju
sp	Sisihan Piawai

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Solat adalah tiang agama yang mana ibadah solat adalah sebesar-besar ibadah yang mendekatkan hamba kepada Tuhannya dan ia adalah seteguh-teguh perhubungan makhluk dan penciptanya. Solat menurut syara' ditakrifkan sebagai beberapa perkataan dan perbuatan yang dimulakan dengan takbir dan disudahi dengan salam serta dengan syarat-syarat yang ditentukan. Solat lima waktu wajib dilakukan ke atas umat Islam yang berakal lagi baligh dan kewajipan itu tidak gugur selagi hayat dikandung badan.

Sabda Rasulullah s.a.w :

الصَّلَاةُ عِمَادُ الدِّينِ، مَنْ أَقَامَهَا فَقَدْ أَقَامَ الدِّينَ، وَمَنْ هَدَمَهَا فَقَدْ هَدَمَ الدِّينَ

Ertinya :“Solat itu tiang agama, sesiapa yang mendirikan solat,sesungguhnya dia sudah menegakkan agama dan barangsiapa yang meninggalkan solat sesungguhnya dia meruntuhkan agama”.

Sesungguhnya perbuatan meninggalkan solat ini merupakan kes yang paling berat kerana ia tonggak segala urusan agama kerana ia hubungan antara seorang hamba dengan Penciptanya iaitu Allah SWT. Baik buruknya perlakuan seseorang itu sangat dipengaruhi oleh solatnya. Jika ibadah solatnya baik,dilakukan dengan penuh kesempurnaan yang merangkumi aspek rukun, syarat, kefahaman dan lalu penuh

khusyuk ia akan dapat mencegah seseorang dari perbuatan keji. Hal ini menjadi jawapan kepada pelbagai masalah yang timbul dalam tiap individu.

Solat juga merupakan ibadah yang paling istimewa dan penting yang mula-mula sekali dihisab dan diadili oleh Allah S.W.T pada hari kiamat kelak. Jika solat kita baik dan sempurna maka baik seluruh ibadah yang lain akan menjadi sempurna. Sebaliknya jika solatnya tidak sempurna maka akan dilanjutkan pemeriksaan ibadah-ibadah yang lain iaitu puasa, zakat, haji dan sebagainya. Sabda Rasulullah S.A.W:

حُرَيْثُ بْنُ قَبِيصَةَ قَالَ قَدِمْتُ الْمَدِينَةَ قَالَ قُلْتُ اللَّهُمَّ يَسِّرْ لِي جَلِيصًا صَالِحًا فَجَلَسْتُ إِلَى أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ فَقُلْتُ إِنِّي دَعَوْتُ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ أَنْ يُيسِّرَ لِي جَلِيصًا صَالِحًا فَحَدَّثَنِي بِحَدِيثٍ سَمِعْتُهُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَعَلَّ اللَّهَ أَنْ يَنْفَعَنِي بِهِ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ إِنَّ أَوَّلَ مَا يُحَاسَبُ بِهِ الْعَبْدُ بِصَلَاتِهِ فَإِنْ صَلَحَتْ فَقَدْ أَفْلَحَ وَأَنْجَحَ وَإِنْ فَسَدَتْ فَقَدْ خَابَ وَخَسِرَ قَالَ هَمَّامٌ لَا أَدْرِي هَذَا مِنْ كَلَامِ قَتَادَةَ أَوْ مِنَ الرَّوَايَةِ فَإِنْ أَنْتَقَصَ مِنْ فَرِيضَتِهِ شَيْءٌ قَالَ أَنْظِرُوا هَلْ لِعَبْدِي مِنْ تَطَوُّعٍ فَيُكَمَّلُ بِهِ مَا نَقَصَ مِنَ الْفَرِيضَةِ ثُمَّ يَكُونُ سَائِرُ عَمَلِهِ عَلَى نَحْوِ-

النسائي

Ertinya: Abu Daud menceritakan kepada kami, ia berkata, "Harun (putra Ismail al-Khazzaj) telah menceritakan kepada kami, ia berkata, "Menceritakan kepada kami iaitu Hammam dari Qatadah, Al-Hasan, Khuraist bin Qubaishah, ia berkata: saya datang ke Madinah, ia berkata, "Aku mengucapkan: Ya Allah

permudahkanlah aku dalam tempat yang baik, maka ceritakan kepadaku dengan hadis yang pernah kamu dengar dari Rasulullah semoga Allah memberikan manfaat kepadaku dengannya, ia berkata, "Aku mendengar Rasulullah saw bersabda: Yang pertama dihisab dari seorang hamba pada hari kiamat ialah solatnya. Apabila solatnya baik maka baiknya seluruh amalnya tetapi jika solatnya rusak maka rosaklah seluruh amalnya". (Hammam berkata: aku tidak mengetahui dari permasalahan ini dari ucapan Qatadah ataupun dari riwayat lain, "Apabila dalam solat fardhunya belum sempurna, maka dikatakan: Lihatlah, apakah ia mengerjakan (solat-solat) sunnah? Jika ia memiliki (solat) sunnah maka (solat) sunnah itu menyempurnakan yang fardhunya. Kemudian barulah dihitung amal fardhu yang lainnya seperti demikian. (HR. An-Nasa'i)

Sebagaimana yang diketahui solat adalah ibadah yang diterima oleh Baginda nabi SAW secara langsung daripada Allah SWT, ketika nabi SAW mengadap Allah SWT di 'Sidratul Muntaha' dalam peristiwa Isra' Mikraj, ibadah solat adalah berbeza dengan ibadah lain seperti ibadah puasa, zakat, haji dan lain-lain yang diterima melalui wahyu dengan perantaraan malaikat Jibril AS sebagai pembawa wahyu. Ini adalah satu kenyataan bahawa ibadah solat itu terlalu istimewa di sisi Allah SWT (Anisah Ab.Ghani (2001).

Solat juga merupakan ibadah utama sebagaimana yang digariskan di dalam rukun Islam maka perbuatan meninggalkan solat dengan sengaja dalam keadaan sedar dan waras menggambarkan individu tersebut mempunyai sikap yang tidak menitikberatkan soal beragama dan cuai terhadap tanggungjawab besar yang telah

diamanahkan. Malahan individu yang tidak melaksanakan ibadah solat dilihat rapuh iman dan taqwanya kerana tidak terkesan dengan ancaman dahsyat yang banyak dinyatakan dalam sumber agama terhadap mereka yang meninggalkan solat.

Oleh itu,umat Islam haruslah saling mengingatkan supaya jangan meninggalkan perkara yang diperintah oleh Allah S.W.T. Janganlah meninggalkan solat lima waktu yang merupakan benteng dan kekuatan ukhuwwah antara hamba dan penciptanya. Justeru itu,marilah kita sama-sama melaksanakan solat fardhu ini dengan ikhlas dan sempurna.

Menurut Maimon Husin dan Mohd Sukki Othman (2012) solat dari segi bahasa bererti doa. Manakala dari segi istilah syara',solat bermaksud beberapa ucapan dan perlakuan yang tertentu yang dimulai dengan takbiratul ihram dan diakhiri dengan salam. Ibadat solat adalah satu daripada rukun Islam. Setiap orang Islam wajib menunaikannya apabila cukup syarat-syaratnya. Kewajipan ini dinyatakan jelas berdasarkan Firman Allah SWT dalam Surah An-Nisa' ayat 103 :

فَإِذَا قَضَيْتُمُ الصَّلَاةَ فَادْكُرُوا اللَّهَ قِيَامًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِكُمْ فَإِذَا
أَطْمَأْنَنْتُمْ فَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا



Ertinya :“Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan sembahyang,maka hendaklah kamu menyebut dan mengingatkan Allah semasa kamu berdiri atau duduk dan semasa kamu berbaring. Kemudian apabila kamu telah merasa tenteram (berada dalam keadaan aman) maka dirikanlah sembahyang itu (dengan sempurna seperti biasa). Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu

ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman yang tertentu waktunya.”

Ayat yang dinyatakan di atas adalah ayat dimana Allah memerintahkan kita (umat manusia) untuk sentiasa tunduk kepada-Nya melalui solat. Selain itu di akhir ayat adalah penegasan bahawa solat adalah wajib bagi setiap orang beriman. Oleh kerana itu,dirikanlah solat kerana Allah SWT, bukan kerana sebab yang lain.

Menurut Mukhlas Syarkun (2007) solat dalam agama Islam telah diletakkan sebagai amalan yang utama dan amat mulia. Ia dijadikan kayu ukur untuk melihat kualiti manusia yang menganut agama Islam. Dengan solat Allah akan memastikan seorang itu layak atau tidak masuk syurga dan melalui amalan solat pula Allah akan menyelamatkan atau menyeksa manusia sama ada di dunia ataupun di akhirat.

Jadi,seperti yang telah diketahui bahawa Allah telah menjelaskan di dalam Al-Qur'an bahawa solat merupakan ibadah yang menjadi benteng pada diri manusia dari melakukan perkara-perkara yang mungkar yang akan merosakkan keimanan seseorang muslim. Solat juga merupakan ibadah yang menjadi inti dari seluruh ibadah dan manfaatnya sangat besar kerana ia mengandungi nilai-nilai rohaniah, jasmaniah dan kemasyarakatan. Solat merupakan tali yang dapat menghubungkan seseorang hamba dengan penciptaNya. Ibadat solat juga dapat melahirkan kesucian jasmaniah dan rohaniah. Ibadat solat seperti yang kita ketahui dapat membentuk akhlak yang mulia dan dapat mencegah seseorang itu daripada melakukan perbuatan yang mungkar. Ini berdasarkan firman Allah S.W.T. dalam Surah al- Ankabut ayat 45 :

اتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .

Ertinya : “Bacalah apa yang telah diwahyukan kepadamu dari Al-Kitab dan dirikanlah solat sesungguhnya solat itu mencegah manusia dari perbuatan keji dan mungkar dan sesungguhnya mengingati Allah lebih besar manfaatnya dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan.”

Solat juga dapat membantu membentuk akhlak yang baik dan menjadikan manusia itu berfikiran waras dan bertindak dengan cara yang betul dan adil. Solat juga dapat membentuk disiplin dalam diri mereka yang mengerjakannya. Disebabkan solat mempunyai banyak hikmah dan memberi impak yang besar kepada kita maka setiap Muslim perlulah melaksanakan kewajipan ibadah solat ini dengan sebaik-baiknya agar tidak timbul sebarang perbuatan yang bertentangan dengan ajaran Islam. (Ummi Rohaiyu Binti Mohd Bakhair, 2001: 3)

As-Sheikh Abdul Al-Kholee (2000),solat bukanlah semata-mata satu ibadat yang dilaksanakan dengan harapan memperolehi kebaikan di alam akhirat bahkan sebaliknya solat itu amat berkait rapat dengan kehidupan seorang individu Muslim dengan satu kaitan yang amat kuat. Salah satunya solat dapat mencegah dari melakukan perbuatan keji dan mungkar. Apabila seseorang itu meninggalkan perbuatan-perbuatan keji dan mungkar ini akan memberi kesan terhadap perangai dan tingkah lakunya. Solat adalah cerminan bagi amalannnya sama ada baik atau buruk. Solat mempunyai kesan yang besar terhadap kejujuran di dalam bermuamalah,menunaikan amanah,kejiranan yang baik,akhlak, melebihi orang lain

dari diri sendiri dan menahan diri dari menyakiti orang lain. Maka wujudlah kebahagiaan dan kasih sayang di rumah dan di kalangan ahli keluarga, di jalanan dan di kalangan masyarakat bahkan di peringkat ummah keseluruhannya.

Menurut Fatimah Ibrahim (2009) dalam agama Islam, sembahyang atau solat adalah tiang agama dan merupakan ibadat wajib yang perlu dilakukan pada masa, keadaan serta mengikut tertibnya. Solat wajib merupakan satu kegiatan rutin harian orang Islam yang mesti dilakukan secara berkala iaitu lima kali sehari semalam. Di samping itu, ada solat tambahan yang digalakkan untuk umat Islam melakukannya tanpa mengira masa atau pun pada masa-masa tertentu.

Secara amnya, ibadat solat mempunyai pengertian yang amat luas. Bagaimana pun, dari sudut kesihatan fizikal dan mental, solat ialah cara untuk memperoleh tahap kesihatan yang baik. Gerakan badan yang tersusun dan tertib dalam solat, dapat meningkatkan daya prestasi tubuh.

Menurut Lukman Santoso (2012) adapun yang dapat menyelamatkan seseorang daripada seksa kubur ialah solat, *soum* (puasa), zakat dan perbuatan baik yang berupa kejujuran, menyambung silaturrahim, segala perbuatan yang makruf dan berbuat baik kepada manusia, juga berlindung kepada daripada Allah daripada azab kubur.

Marwan Hamdi (2012) menyatakan bahawa solat adalah salah satu daripada bentuk komunikasi seorang hamba dengan PenciptaNya. Kejayaan hidup seseorang di dunia dan akhirat bergantung pada eloknya hubungan antara makhluk dengan penciptaNya. Oleh itu solat sepatutnya didirikan dengan sebenar-benar cara sebagai mana yang diajar oleh Rasulullah kepada umatnya.

Pahrol Mohamad Juoi (2013) mengatakan Imam an-Nawawi menegaskan bahawa jika amalan-amalan lahiriah dilaksanakan tanpa amalan-amalan hati, ia tidak

akan membawa seseorang dekat dengan Allah. Sedangkan *Taqarub ila Allah* (dekat dengan Allah) itu tujuan kita beribadah. Amalan solat misalnya, jika yang dijaga dan dilaksanakan hanya rukun *qauli* (bacaan) dan *fi'li* (perbuatan) tanpa kehadiran rukun *qalbi* (hati) seperti merasai kebesaran Allah, takut, berharap, malu dan rasa kehambaan yang lain, ia akan menjadi sia-sia. Itulah antara pengertian orang yang lalai dalam solatnya. Solat yang dilaksanakan tanpa rasa hati seperti yang dinyatakan ini akan gagal mencapai tujuan utamanya iaitu mengingati Allah. Allah berfirman di dalam Surah Thoha ayat 14:

إِنِّي أَنَا اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدْنِي وَأَقِمِ الصَّلَاةَ لِذِكْرِي

Ertinya : “Sesungguhnya Akulah Allah; tiada Tuhan melainkan Aku; oleh itu, sembahlah Aku dan dirikanlah sembahyang untuk mengingati Aku.”

Begitu juga ibadah puasa, zakat dan sebagainya perlu dilaksanakan dengan ikhlas dan penuh rasa kehambaan. Jika tidak amalan itu bukan sahaja tidak berkesan tetapi ditolak Allah SWT. Solat menduduki tempat yang kedua selepas persaksian bersaksi dengan dua kalimah syahadah (syahadatain) di dalam agama Islam.

Rasulullah SAW telah memperumpamakan agama Islam itu yang dibawanya iaitu agama yang mengeluarkan seorang insan itu dari daerah kekufuran dan menjadikan ia berhak untuk memasuki syurga dan jauh dari api neraka dengan perumpamaan sebuah bangunan yang kukuh yang berdiri di atas asas-asas dan kaedah-kaedah yang teguh. Baginda SAW menjelaskan bahawa dua daripada kaedah-kaedah yang berdiri bangunan itu di atasnya dan sempurna binaan bangunan itu ialah:

i. Persaksian bahawa sesungguhnya tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawa Nabi Muhammad itu adalah pesuruh Allah. Maknanya ialah berikrar dengan kewujudan Allah SWT dan keesaanNya; dan tasdiq dengan kenabian Muhammad SAW dan risalahnya. Rukun ini adalah seperti asas jika dinisbahkan kepada rukun-rukun lain.

ii. Mendirikan solat

Maksudnya ialah menjaga solat dan mendirikannya pada waktunya dan menunaikannya dengan menyempurnakan segala syarat dan rukunnya serta menjaga adab dan sunnahnya sehingga solat itu memberikan buahnya di dalam jiwa seseorang Muslim itu lalu ia meninggalkan segala perbuatan mungkar.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Mahmud Al-Misri (2014) memberi pandangan di antara cabang yang paling besar setelah kalimat tauhid adalah mendirikan solat dengan penuh keyakinan, perkataan dan perbuatan. Sedangkan di antara dalil yang menunjukkan betapa tingginya darjatnya dalam agama ini adalah bahawasanya Allah menjadikannya termasuk salah satu rukun Islam yang mana agama ini tidak akan didirikan tanpanya. Allah juga menjadikannya termasuk dari tanda-tanda kemenangan beserta asasnya. Allah berfirman di dalam Surah Al-Mukminun ayat 1 - 2:

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ (١) الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ (٢)

Ertinya :“ Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman. Iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya.”

Berasaskan perkara tersebut, solat dapat membezakan antara orang Mukmin dan orang kafir. Sedangkan sikap mengambil mudah padanya atau mengambil mudah sebahagian rukunnya merupakan salah satu daripada ciri-ciri kemunafikan. Di dalam Firman Allah Surah An-Nisa' ayat 142 Allah telah menjelaskan mengenai orang munafik:

إِنَّ الْمُنَافِقِينَ يُخَادِعُونَ اللَّهَ وَهُوَ خَادِعُهُمْ وَإِذَا قَامُوا إِلَى الصَّلَاةِ قَامُوا كُسَالَىٰ
يُرَاءُونَ النَّاسَ وَلَا يَذْكُرُونَ اللَّهَ إِلَّا قَلِيلًا

Ertinya :“Sesungguhnya orang-orang munafik itu melakukan tipu daya (terhadap agama) Allah (dengan perbuatan pura-pura beriman sedang mereka kafir pada batinnya) dan Allah pula tetap membalas tipu daya mereka (dengan membiarkan mereka dalam keadaan munafik). Mereka pula apabila berdiri hendak sembahyang, mereka berdiri dengan malas. Mereka (hanya bertujuan) riak (memperlihatkan sembahyangnya) kepada manusia (supaya disangka bahawa mereka orang yang beriman) dan mereka pula tidak mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang) melainkan sedikit sekali (jarang-jarang).”

Zaki Muhammad Abu Sari' (2014) menyatakan pandangannya mengenai orang yang meninggalkan solat kerana menolak dan membantah akan wajibnya perkara itu, maka dia telah kufur secara terang-terangan. Dia diminta supaya bertaubat sebanyak tiga kali. Jika dia tidak mahu, maka darahnya boleh ditumpahkan dan hakim membunuhnya dengan alasan syar'i kerana kekafirannya. Sedangkan orang yang

meninggalkan solat kerana malas bukan kerana ingkar, maka dia juga diminta bertaubat sebanyak tiga kali jika dia tidak mahu, maka dibunuh dengan menggunakan hukum *hudud*.

Sesungguhnya generasi terdahulu yang utama dari umat ini mengambil berat akan masalah solat. Dahulu ada seorang lelaki yang dibawa oleh orang lain kerana kedua kakinya tidak mampu menampung tubuhnya dan didudukkan di dalam saf. Perkara itu disebabkan dia ingin mendapatkan pahala yang dijanjikan bagi orang yang meninggalkan solat dan takut terhadap ancaman yang dijanjikan bagi orang yang meninggalkan atau mengambil mudah tentang solat. Firman Allah di dalam Surah al-Ma'un ayat 4-5:

فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّينَ (٤) الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ (٥)

Ertinya :“ Dan dia tidak menggalakkan untuk memberi makanan yang berhak diterima oleh orang miskin. (Kalau orang yang demikian dikira dari bilangan orang-orang yang mendustakan agama) maka kecelakaan besar bagi orang-orang ahli sembahyang;”

Saranan pelaksanaan solat Zuhur secara berjemaah selesai sesi persekolahan di Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 14 (1) telah dipraktikkan pada tahun 2008 sehinggalah sekarang. Amalan solat Zuhurr berjemaah bukan sahaja diwajibkan kepada guru–guru dan kakitangan sekolah tetapi juga murid–murid di sekolah malah telah dimasukkan ke dalam waktu akhir kurikulum persekolahan. Setiap kali masuknya waktu Zuhurr,murid–murid ditugaskan untuk mengumandangkan azan di bilik pengumuman. Saranan ini bertepatan dengan ‘kemenjadian murid’ yang diangkat

sebagai fokus di dalam saranan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM),Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kajian ini dilaksanakan di Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 14(1) yang terletak lebih kurang 1km daripada Pusat Pentadbiran Persekutuan Putrajaya di mana terdapat seramai 1250 orang murid beragama Islam yang menuntut di sekolah ini.

Sejak KAFA ditubuhkan pada awal Februari 2008, murid –murid yang belajar di KAFA akan solat Zuhur terlebih dahulu secara berjemaah di surau. Murid-murid Tahun Enam yang akan meneruskan kelas tambahan juga akan solat Zuhur secara berjemaah di surau. Hal ini kerana KAFA dijalankan di bangunan atau premis yang sama bermula jam 2.30 petang. Begitu juga dengan kelas tambahan tahun enam. Murid-murid di sekolah ini akan mengakhiri sesi pembelajaran sebelah pagi jam 1.05 petang bagi murid – murid tahap 1 manakala 1.35 petang bagi murid-murid tahap 2.

Selepas tamat sesi persekolahan di sebelah pagi, mereka akan terus turun ke surau untuk menunaikan solat Zuhur. Selesai solat,mereka akan bersiap sedia menyalin pakaian serta makan tengahari terlebih dahulu sebelum memulakan KAFA. Bagi murid-murid Tahap 1 mereka mempunyai 1 jam 30 minit masa persediaan manakala bagi murid d- murid Tahap 2 mereka hanya mempunyai masa 1 jam sahaja.

Pelaksanaan solat Zuhurr secara berjemaah akan dilakukan secara berperingkat-peringkat mengikut tahap. Ini kerana tempat solat yang ada tidak dapat menampung keseluruhan pelajar dalam satu masa. Guru–guru KAFA akan bertugas untuk mengendalikan solat Zuhur di surau. Namun,ada juga murid tidak menghiraukan amalan ini dan memberi pelbagai alasan apabila ditanya.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Solat merupakan satu ibadah yang wajib dilaksanakan oleh setiap individu Muslim. Solat yang sempurna dapat menjauhkan manusia dari segala perbuatan mungkar. Menurut Mohd Arshad (1999),solat dapat mengukuhkan iman dan memperisaikan diri dari amalan keji dan mungkar. Meninggalkan solat lima waktu dengan sengaja adalah berdosa dan Allah SWT telah mensyariatkan ibadah ini di dalam al-Quran bahawa siapa yang meninggalkan solat lima waktu dengan sengaja akan mendapat balasan azab yang pedih bukan sahaja di dunia tetapi juga di akhirat nanti.

Oleh itu, umat Islam haruslah saling mengingatkan supaya jangan meninggalkan perkara yang diperintah oleh Allah S.W.T. Janganlah meninggalkan solat lima waktu yang merupakan benteng dan kekuatan ukhuwwah antara hamba dan penciptaNya. Justeru itu,marilah kita sama-sama melaksanakan solat fardhu ini dengan ikhlas dan sempurna.

Tetapi alangkah sedihnya apabila kita melihat generasi akan datang yang enggan sujud kepada Penciptanya dengan mengabaikan amalan wajib ini. Sebenarnya isu ini perlu dibendung dari sekolah rendah lagi supaya tidak akan menular ke sekolah menengah dan peringkat lebih tinggi.

Menurut Fadzilah Kamsah (2004),beliau mendedahkan 80 peratus remaja Islam di sekolah rendah dan menengah di Malaysia masih tidak menyempurnakan solat lima waktu dalam sehari. Peratusan angka ini diperoleh melalui tinjauan beliau menerusi program-program ceramah dan motivasi yang dijalankan di seluruh negara serta pemerhatian terhadap gaya hidup remaja Islam masa kini.

Abdul Ghani (2004), hanya sekitar 17 hingga 20 peratus yang menunaikan solat fardhu cukup lima waktu dalam sehari. Jumlah ini terlalu kecil sekiranya dibandingkan dengan jumlah penganut agama Islam di negara ini. Lebih menyedihkan, senario yang berlaku di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah, iaitu hanya 15 peratus sahaja mengakui bersembahyang lima kali sehari.

Menurut Kajian Rosmaziah Binti Abdul Kadir @ Ismail (2009) murid-murid beranggapan bahawa amalan solat tidak begitu penting dan mereka mengabaikannya. Padahal mereka mengetahui Allah telah menjanjikan kepada sesiapa yang melakukannya akan mendapat ganjaran pahala disisiNya. Sepertimana kita ketahui amalan-amalan solat termasuk solat sunat merupakan suatu amalan mulia dan sebagai pengikat serta penghubung seorang hamba kepada penciptaNya.

Beliau berpendapat lagi, apa yang paling menyedihkan ialah kebanyakan masyarakat Islam termasuk murid-murid lebih cenderung ke arah keduniaan daripada melakukan ibadat kepada Allah SWT. Dalam erti kata yang lain, mereka sukar untuk melakukan ibadat solat termasuklah ibadat-ibadat sunat. Ini disebabkan mereka sibuk dalam aktiviti kehidupan seharian. Disebabkan kesibukan tersebut mereka lalai untuk mendirikan solat. Mereka banyak menghabiskan masa dengan melakukan perkara yang tidak berfaedah atau maksiat. Kealpaan dan kelalaian menyebabkan mereka lupa kepada Allah.

Kejahilan atau kurang kefahaman tentang amalan solat juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan mereka tidak mengerjakan ibadah solat. Mereka juga kurang berminat dan malas serta tidak mempunyai kesungguhan terhadap penimbaan ilmu pengetahuan terutamanya ilmu-ilmu keagamaan dan mendalami pengetahuan mengenai Islam. Kejahilan ini menyebabkan mereka tidak melakukan ibadah solat.

Rokma Binti Mamat (2011) menjelaskan catatan yang paling tinggi bagi mahasiswa tidak mengerjakan amalan solat disebabkan perasaan malas yang wujud dalam diri mereka. Sikap ini sepatutnya tidak wujud dalam diri mereka kerana amalan solat merupakan amalan mulia di sisi Allah.

Menurut Muhammad Khairi Bin Muhammad (2009), berdasarkan pemerhatian dan temubual secara spontan terhadap pelajar yang tidak solat berjemaah mendapati kebanyakan mereka kurang memahami rukun solat dan mengambil ringan dalam amalan ini. Bukan bermaksud mereka tidak bersolat tetapi tidak menunaikannya secara berjemaah. Ada juga di kalangan mereka memberikan pelbagai alasan untuk mengelakkan diri daripada solat secara berjemaah.

Menurut Mohd Harun Salim Harun (2009) menyatakan bahawa sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam beliau mendapati masih ramai di kalangan pelajar yang tidak menunaikan solat. Hanya segelintir sahaja di kalangan mereka yang menunaikan solat fardhu.

Selain daripada itu, masalah yang timbul apabila terdapat murid-murid Tahun Tiga di sekolah tersebut yang masih tidak lancar dan tidak menguasai bacaan-bacaan di dalam solat (Rukun Qauli). Perkara ini dapat dikesan apabila mereka mengambil masa yang lama untuk membuat persediaan setiap kali mereka diuji dalam PAFA terutama sekali ketika ujian amali solat. Masalah ini menjadi sangat rumit apabila guru-guru melaksanakan ujian bacaan dalam amali solat fardhu. Sekiranya murid-murid mengamalkan solat fardhu sebanyak lima kali sehari semalam secara istiqamah atau berterusan, mereka tidak akan mengambil masa yang lama untuk membuat persediaan hafazan bacaan-bacaan di dalam solat.

Daripada permasalahan yang semakin meruncing ini membuat pengkaji memilih tajuk amalan solat sebagai kajian untuk mengetahui sejauh mana tahap amalan solat bermula dari murid sekolah rendah. Pengkaji memilih murid tahun tiga kerana pengkaji mengajar kelas murid-murid Tahun Tiga. Hasil daripada pemerhatian dan pengalaman mengajar selama hampir 10 tahun di sekolah rendah yang didapati bahawa tahap pengamalan solat dalam kalangan murid adalah sangat lemah. Menerusi temubual secara tidak langsung di dalam kelas, pengkaji mendapati murid Tahun Tiga dalam kelas yang pertama agak memuaskan tetapi apabila ditanya kelas yang kedua, hampir separuh yang tidak menunaikan solat. Manakala kelas yang ketiga lagi menyedihkan kerana satu pertiga sahaja yang menunaikan solat itupun tidak sepenuhnya. Murid-murid beranggapan solat lima waktu sehari semalam adalah sesuatu yang remeh dan tidak diberi penekanan oleh ibu bapa di rumah.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan berdasarkan kepada beberapa objektif iaitu:

- i. Mengenal pasti kefahaman tentang kewajipan menunaikan solat dalam kalangan murid Tahun Tiga di Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 14(1).
- ii. Mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi murid Tahun Tiga Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 14(1) dalam melaksanakan solat fardhu.
- iii. Menganalisis kepentingan ibadat solat dapat mempengaruhi sikap dalam kalangan murid tahun tiga Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 14(1).

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan permasalahan di atas,persoalan kajian ialah:

- i. Bagaimanakah tahap amalan solat bagi murid-murid tahun tiga?
- ii. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi amalan solat murid-murid tahun tiga?
- iii. Adakah murid-murid tahun tiga mengetahui kepentingan solat fardhu?

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kefahaman dan penghayatan amalan solat dalam kalangan murid-murid tahun tiga di Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 14(1). Kajian yang akan dijalankan ini mempunyai banyak faedah dan matlamat kepada semua masyarakat Muslim terutamanya guru-guru Pendidikan Islam kerana hasil kajian ini dapat mengenal pasti kefahaman dan penghayatan amalan solat di kalangan murid-murid tahun tiga di sekolah. Kajian ini juga dapat melihat beberapa kaedah penting yang digunakan dalam mempengaruhi amalan solat murid-murid tahun tiga. Hasil kajian ini juga,penyelidik akan mendapat maklumat terkini yang mempunyai kaitan dengan bidang tugas dan tanggung jawab seorang guru,khususnya guru Pendidikan Islam (GPI).

Secara umumnya, kajian ini sama ada secara langsung atau tidak langsung akan memberikan gambaran yang sebenar tentang sejauh mana kegiatan dakwah dilakukan oleh guru-guru Pendidikan Islam di sekolah dalam menyebarkan syiar Islam khasnya kefahaman dan penghayatan amalan solat di kalangan murid-murid Tahun Tiga di sekolah. Pelbagai maklumat yang melibatkan tugas dan tanggungjawab guru-guru pendidikan Islam dijangka dapat memberikan kesedaran kepada semua guru aliran agama dan persatuan-persatuan Pendidikan Islam atau Dakwah di sekolah. Maklumat yang diperolehi juga dapat membantu tindakan susulan yang perlu dilakukan dalam meningkatkan tahap penguasaan bacaan amali solat. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu guru Pendidikan Islam merancang aktiviti yang sesuai bagi menangani murid yang bermasalah dalam Penilaian Asas Fardhu Ain (PAFA) serta mengurangkan masalah-masalah bacaan solat yang sering timbul dalam kalangan murid. Manakala ibu bapa dan penjaga pula dapat menggunakan pengetahuan yang didapati dari hasil

kajian ini untuk membimbing dan membantu anak-anak mereka tentang kefahaman dan penghayatan mereka dalam menunaikan ibadah solat. Hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan penguasaan murid dalam bacaan solat. Di samping itu juga ia membantu pihak sekolah mengatasi masalah disiplin yang timbul ekoran daripada tidak memahami kepentingan mendirikan solat dan menghayati ibadah ini.

Penghayatan dalam solat dapat membentuk akhlak mulia dan menghindari gejala sosial. Selain daripada dapat menjadi platform untuk merangka, membina, merancang dasar-dasar baru, strategi Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) ia juga dapat dijadikan rujukan dan maklumat kepada penyelidik-penyelidik yang berminat tentang isu ini. Kajian ini juga diharapkan dapat dijadikan kajian lanjutan dan boleh diteruskan dengan menggunakan informasi yang terdapat dalam kajian ini.

1.7 LIMITASI KAJIAN

Kajian ini dijalankan berfokus kepada amalan menunaikan solat fardhu bagi murid tahun tiga Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 14(1) sahaja. Responden diambil secara rawak dalam kalangan 69 orang murid sahaja. Fokus kajian ini lebih kepada melihat secara umum tentang menunaikan solat fardhu dijadikan amalan wajib dalam kehidupan murid-murid Tahun Tiga. Fokus kedua kajian ini akan meninjau faktor-faktor yang mempengaruhi amalan solat fardhu murid-murid tahun tiga dalam kehidupan seharian mereka. Fokus ketiga kajian ini berkaitan dengan kepentingan ibadah solat fardhu dalam mempengaruhi sikap murid-murid Tahun Tiga Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 14(1). Soal selidik yang digunakan hanyalah dari sudut pandangan murid sahaja dan ketepatan maklumat bergantung kepada kejujuran murid menjawab item-item soal selidik yang dikemukakan. Dari sudut masa, penyelidikan ini dijalankan dalam jangka masa lebih kurang 5 bulan sahaja iaitu bermula Februari 2016 sehingga Julai 2016 untuk memenuhi syarat pensiswazahan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam Sekolah Rendah (Program Pensiswazahan Guru) dalam Semester 8.

1.8 DEFINISI OPERASIONAL

Definisi operasi yang dikemukakan adalah untuk menjelaskan beberapa istilah secara spesifik yang berkaitan dengan tajuk kajian. Terdapat beberapa istilah yang perlu didefinisikan di dalam kajian ini supaya tidak menimbulkan kekeliruan kepada pembaca. Antara istilah- istilah tersebut ialah:

i. Amalan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007:42),amalan bermaksud sesuatu yang dilakukan,(dilaksanakan,dikerjakan dan sebagainya) sebagai suatu kebiasaan padanya. Pengamalan iaitu kekerapan seseorang dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan atau amalan.

ii. Solat

Kamus Dewan (2007 : 1514) mentakrifkan sebagai sembahyang dalam agama Islam. Manakala menurut Ensiklopedia Islam (2005 : 121) solat adalah suatu yang terdiri atas ucapan dan perbuatan tertentu yang dimulai dengan takbiratulihram dan diakhiri dengan salam dengan syarat-syarat tertentu. Dalam kajian ini solat yang dimaksudkan adalah merujuk kepada solat fardhu yang wajib dilaksanakan lima waktu sehari semalam ke atas setiap umat Islam yang berakal dan baligh.

iii. Fardhu

Fardhu adalah sesuatu amalan yang wajib dilaksanakan. Sekiranya dilakukan akan mendapat pahala dan meninggalkannya akan mendapat dosa dan akan disiksa pada hari akhirat sekiranya tidak bertaubat. Contohnya kewajipan mengerjakan solat fardhu lima waktu.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 PENDAHULUAN

Menurut Noraini Idris (2010), tinjauan literatur merupakan ulasan maklumat yang diperoleh daripada jurnal, buku, dokumen dan penyelidikan-penyelidikan lepas untuk sesuatu penyelidikan yang baru. Secara amnya, pengendalian tinjauan literatur merupakan salah satu proses dalam penyelidikan untuk mengenal pasti sama ada sesuatu penyelidikan yang dirancang telah dilaksanakan oleh penyelidik lain.


Menurut Mahizer Bin Hamzah et.all (2013) tinjauan literatur merupakan ringkasan atau ulasan dari artikel jurnal, buku, prosiding dan lain dokumen yang menjelaskan maklumat lepas dan terkini berkaitan yang diperlukan bagi kajian yang dicadangkan. Proses ini juga bertujuan mengenal pasti sama ada sesuatu kajian yang hendak dijalankan pernah dilakukan oleh penyelidik lain sebelum ini.

Menurut Cresswell (2007), punca atau sumber yang paling baik untuk memilih masalah kajian adalah daripada literatur-literatur lepas. Ini kerana melalui bacaan pada kajian lepas akan membantu pengkaji dalam memilih isu kajian yang relevan dan bersesuaian. Selain itu dapatan, kelemahan, kekangan serta cadangan yang terdapat daripada karya lepas dapat membantu pengkaji dalam merangka isu kajian yang lebih baik.

2.2 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual merupakan gambaran kajian ini secara kasar. Ianya ditunjukkan di dalam bentuk gambarajah. Dalam kajian ini pengkaji ingin melihat amalan dan faktor- faktor yang mempengaruhi amalan solat fardhu murid Tahun Tiga.

Rajah 1 : Kerangka Konseptual Kajian



2.2.1 Perbincangan Teori Berkaitan

Penyelidik menggunakan Teori Fungsionalisme yang digarap berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah serta pandangan Sarjana-sarjana Islam dan Barat. Menurut Ee Ah Meng (2000) Teori Fungsionalisme selalu dianggap seperti tubuh badan manusia yang mempunyai bahagian-bahagian dengan fungsi yang tersendiri. Teori fungsionalisme memberi penjelasan mengenai organisasi sosial dan menerangkan bagaimana sesuatu organisasi itu dipertahankan. Menurut teori ini, struktur-struktur sosial akan menentukan keharmonian masyarakat. Pengkaji-pengkaji telah merumuskan tiga andaian iaitu stabiliti, harmoni dan evolusi. Stabiliti merupakan kriteria penilaian utama untuk menentukan sejauh mana sesebuah masyarakat dapat dikekalkan. Harmoni menunjukkan bagaimana semua bahagian dalam masyarakat bekerjasama untuk mencapai tujuannya. Evolusi pula menggambarkan perubahan-perubahan yang berlaku kepada masyarakat melalui proses yang diadaptasikan daripada struktur sosial kepada pembaharuan. Maka, tidak dapat dinafikan lagi bahawa ibu bapa, pihak sekolah, rakan sebaya dan media massa mesti memainkan peranan yang penting dalam mengatasi masalah jenayah yang wujud di kalangan remaja pada masa kini untuk memastikan suasana di dalam dan di luar sekolah lebih harmoni. Teori ini biasanya digunakan secara survey atau tinjauan yang telah disediakan berdasarkan kaji selidik (questionnaire). Teori ini banyak digunakan di institusi atau sekolah-sekolah di Malaysia.

Ia menjelaskan bahawa ahli masyarakat dan institusi dalam sesebuah komuniti itu saling bergantung antara satu sama lain. Contoh yang kita dapat lihat ialah, pelajar akan bergantung pada guru untuk mendapatkan ilmu, guru bergantung pada kurikulum yang akan mereka gunakan untuk mengajar dan kurikulum ini dibentuk oleh mereka

yang bertugas di Bahagian Kurikulum. Ia berfungsi untuk memastikan masyarakat itu bergerak. Tujuan ia adalah untuk mencapai keharmonian dalam masyarakat untuk kestabilan negara. Pendekatan fungsionalisme boleh disamakan seperti bahagian anggota badan yang mempunyai peranan masing-masing dan setiap anggota itu bergantung di antara satu sama lain untuk berfungsi.

Ahli sosiologis, iaitu Durkheim (1858-1917), adalah orang yang pertama mula mengaplikasikan teori ini dalam kajian yang berkaitan dengan pendidikan. Beliau mementingkan tentang bahagian-bahagian dalam masyarakat yang masing-masing mempunyai struktur dan fungsi tertentu untuk perpaduan dan kepaduan di antara mereka dania akan menggerakkan masyarakat tradisi kepada masyarakat moden. Segala yang dilakukan oleh sekolah dipersetujui oleh semua pihak dalam masyarakat. Melalui persetujuan inilah wujud keadilan dan keharmonian dalam sistem persekolahan, hubungan baik di antara murid dan guru, dan ibu bapa dan sekolah. Semua pihak yang terlibat dengan pendidikan akan berkejasama untuk mencapai kestabilan dan keharmonian masyarakat.

Fungsi utama sekolah ialah menyampaikan ilmu pengetahuan dan tingkah laku yang dikehendaki untuk memastikan kesejahteraan ahli masyarakatnya. Mengikut teori ini, tugas utama pendidikan ialah untuk mensosialisasikan kanak-kanak dengan norma, nilai-nilai dan peraturan yang terdapat dalam sesebuah masyarakat. Sebagai contoh Durkheim dalam bukunya *Moral Education* (1961) mengaitkan fungsi sekolah dan hubungannya dengan masyarakat. Menurut beliau nilai moral merupakan asas peraturan sosial dan masyarakat yang disemai dalam kanak-kanak melalui sistem pendidikannya. Setiap pihak dalam masyarakat perlu berganding bahu menolong dan menyokong antara satu sama lain untuk memastikan fungsi dan peranan setiap pihak

berjalan dengan lancar supaya matlamat yang ditetapkan boleh tercapai bersama. Teori fungsionalisme seterusnya menekankan kepada aspek memilih dan melatih. Mengikut teori ini semua kanak-kanak akan mendapat peluang yang sama untuk menyumbang kepada perkembangan masyarakatnya. Mereka yang berjaya akan mendapat kedudukan paling tinggi dalam hierarki masyarakatnya. Teori ini juga menekankan kepada struktur dan fungsi organisasi. Sebagai contoh dalam sesebuah sekolah kita dapat melihat bagaimana struktur sekolah dibentuk dan bagaimana setiap ahli dalam sekolah berfungsi untuk memastikan sekolah mencapai visi dan matlamat yang telah ditetapkan.

Teori Fungsionalisme memperlihatkan bahawa setiap bahagian dalam masyarakat mempunyai fungsi tertentu yang harus dimainkan. Ia memberi penyelidik kefahaman bahawa bagi memastikan murid mempunyai tahap kefahaman dan penghayatan amalan solat yang tinggi, guru dan sekolah haruslah memainkan peranan masing-masing. Teori ini berpandangan apabila guru dan sekolah tidak memainkan peranannya khususnya untuk menghasilkan pengajaran dan pemudahcaraan yang berkesan, atau pihak sekolah kurang komited menjalankan usaha memastikan kefahaman dan penghayatan amalan solat dalam kalangan murid tahun tiga, maka berlakulah disfungsi mengikut kefahaman aliran teori fungsionalisme.

Dengan menggunakan teori ini dapat dilihat bahawa pembelajaran berterusan dan rangsangan dari luaran membolehkan murid memahami amalan solat dan kepentingannya di dalam kehidupan seharian.

2.3 KUPASAN KAJIAN LEPAS

Sorotan kajian-kajian lepas yang berkaitan merupakan suatu keperluan dalam penyelidikan agar kajian tidak tersasar dari objektifnya. Malahan berperanan sebagai kesinambungan dari kajian yang lepas dengan menghasikan satu penemuan yang baru. Pengkaji telah banyak merujuk beberapa kajian ilmiah yang lepas bagi membantu penulis dalam menyiapkan kajian penyelidikan ini. Berdasarkan kajian pengkaji terhadap kajian lepas, didapati bahawa perihal berkaitan solat telah banyak dibincangkan oleh para pengkaji terdahulu melalui hasil tulisan mereka dalam pelbagai bidang pengkhususan.

Dalam kajian ini, penyelidik mengambil beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian. Menurut Nurulazidah Binti Jaafar et.al (2012) Kajian yang dilakukan tentang pembacaan rukun qauli di dalam solat dalam kalangan pelajar muslim Politeknik Port Dickson Negeri Sembilan.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Mohd Suhardi Bin Mat Jusoh (2001) beliau mendapati bahawa tahap pengamalan solat fardhu adalah berbeza-beza di kalangan remaja Islam. Buktinya ialah peratusan pelajar remaja yang mengerjakan solat fardhu secara konsisten hanyalah sebanyak 53.2 % manakala bakinya iaitu sebanyak 46.7% lagi berpendapat mereka tidak konsisten di dalam mengerjakan solat fardhu. Seramai 77.8% responden memberi jawapan bahawa punca utama mereka meninggalkan solat fardhu adalah kerana malas dan sibuk dengan urusan lain.

Menurut Siti Rokiah Binti Abdul Ghani (2007), kajian yang dijalankan bertujuan untuk melihat tahap amalan solat dan hubungannya dengan akhlak pelajar. Hasil utama kajian ini mendapati bahawa tahap amalan solat dan tahap akhlak pelajar

adalah berada pada tahap tinggi. Hasil kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan solat berdasarkan jantina tetapi terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan solat berdasarkan pencapaian dalam Pendidikan Islam untuk SPM. Hasil kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam akhlak pelajar berdasarkan jantina dan pencapaian dalam Pendidikan Islam untuk SPM. Dapatan kajian ini juga mendapati wujud hubungan di antara amalan solat dengan akhlak pelajar-pelajar.

Kajian Ainul Farhaan Harun (2012) berkaitan meningkatkan penguasaan bacaan asas solat bagi kursus Pendidikan Islam 1 (AK 101) dalam kalangan pelajar bermasalah pendengaran semester satu Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Hasil dapatan menunjukkan tahap penguasaan pelajar di dalam bacaan asas solat adalah pada tahap yang lemah di mana hanya 20% responden yang tahu membaca Al-Fatihah manakala 80% responden masih lemah dalam penguasaan bacaan tersebut. Beberapa cadangan tindakan telah dikenalpasti untuk meningkatkan tahap penguasaan bacaan asas solat pelajar. Perancangan tindakan adalah berfokuskan kepada aktiviti dalam kelas, bimbingan rakan sebaya serta bersemuka (*face-to-face*) di antara pelajar dan pensyarah.

Menurut kajian Ramli Awang dan Rosmaziah Abdul Kadir (2009) menyatakan tujuan kajian adalah untuk mengenalpasti tahap pengamalan solat sunat di kalangan pelajar Sarjana Muda Pendidikan Islam (SPI), jenis-jenis solat sunat yang diamalkan dan faktor-faktor yang mendorong pelajar SPI untuk melaksanakan solat sunat. Hasil kajian menunjukkan bahawa responden mengetahui dan memahami tentang solat-solat sunat. Namun tahap pengamalan pelajar dalam melaksanakan solat sunat masih kurang memuaskan. Oleh itu, beberapa cadangan turut dikemukakan kepada pihak tertentu

untuk diambil tindakan bagi meningkatkan tahap kefahaman dan mempertingkatkan lagi pengamalan solat sunat di kalangan pelajar SPI khususnya di kampus.

Menurut Norlyana Binti Sulong (2006), kajian yang dijalankan bertujuan untuk mengkaji tahap pengamalan pelajar terhadap tanggungjawab solat. Kajian ini mempunyai tiga skop kajian iaitu pengetahuan, tahap pengamalan pelajar terhadap tanggungjawab solat dan pandangan pelajar terhadap kesan pelaksanaan solat terhadap diri seseorang. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa secara keseluruhan tahap pencapaian min adalah tinggi iaitu 4.73 bagi pengetahuan, 4.22 bagi tahap pengamalan pelajar terhadap tanggungjawab solat dan 4.63 pandangan pelajar terhadap kesan pengamalan solat terhadap diri seseorang. Dari kajian ini diharap dapat memberi panduan kepada semua pihak agar asas peneguhan agama dititikberatkan di kalangan masyarakat. Penyelidik bersetuju dengan pendapat beliau dan ingin menambah peneguhan agama bukan sahaja diterapkan dan ditekankan diperingkat sekolah sahaja tetapi ibubapa perlu mengambil peranan di rumah dalam memberi penekanan agama terhadap anak-anak mereka.

Setelah meneliti dapatan kajian lepas, penyelidik dapat merumuskan bahawa pengamalan solat fardhu dalam kalangan pelajar khususnya dan umumnya dalam masyarakat Malaysia masih kurang memuaskan. Menurut kajian yang dilakukan oleh Dato' Dr. Mohd Fadzilah kamsah, sejumlah 80% umat Islam di Malaysia masih tidak menyempurnakan solat lima waktu dalam sehari. Peratusan angka ini diperolehi melalui tinjauan beliau menerusi program-program ceramah dan motivasi yang dijalankan di seluruh negara serta pemerhatian terhadap gaya hidup. Kadar pelaksanaan solat yang rendah mungkin dapat dikaitkan dengan tahap pengetahuan dan rasa tanggungjawab mereka terhadap penciptanya. Apakah faktor yang

menyebabkan sejumlah besar rakyat Malaysia umumnya dan pelajar khususnya tidak dapat diselesaikan dengan mengatakan bahawa mereka tidak tahu untuk melaksanakan solat. Sebenarnya banyak faktor yang menyebabkan mereka tidak melaksanakan perintah Allah ini. Dalam kajian ini penyelidik hendak mengetahui apakah tahap kefahaman pelajar akan kepentingan solat, tahap pengamalan dan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar untuk melaksanakan solat.

Abdul Halim Mahmud (1981) menyatakan bahawa sembahyang dalam kaca mata Islam ialah tiang agama, siapa yang mendirikan sama seperti mendirikan agama, dan siapa yang meninggalkannya sama seperti merobohkan agama. Perumpamaan sembahyang di dalam hidup seorang Muslim laksana sungai yang airnya melimpah ruah mengalir hingga ke pintu rumah kamu dan orang itu boleh mandi dari air sungai itu setiap hari lima kali.

Mustafa Masyhur (1987). Kedudukan sembahyang di dalam Agama Islam adalah seumpama kepala pada tubuh manusia. Ia adalah tiang pengukuh, rukun dan syiar atau lambang agama Islam. Ia juga sebagai perbezaan di antara orang beriman dengan orang yang tidak beriman, sebagai penjaga dan pemelihara iman, sebagai tali perhubungan di antara hamba dengan Penciptanya, sebagai penyejuk mata dan penenang jiwa. Sembahyang merupakan sebaik-baik cara atau teknik bagi mendidik jiwa dan menyegarkan roh insan serta membentuk akhlak.

Mustafa Abd. Rahman (1989). Sembahyang dapat mendidik fikiran, hati dan jiwa manusia ke arah kesucian dan kemuliaan. Ia juga berupaya membimbing akhlak dan gerak geri hidup ke jalan sejahtera dan terpelihara daripada segala anasir yang menyebabkan kerosakkan serta terhindar daripada melakukan sebarang tindakan dan perbuatan di luar batas-batas kesopanan. Sembahyang adalah salah satu alat

pendidikan yang amat penting dalam pengajaran Islam untuk aspek pembersihan dan penyucian jiwa manusia kerana kesucian hati adalah sumber segala kebaikan dan kehalusan budi.

Kajian yang ditulis oleh Sharifah Binti Yaacob (2011) membentangkan bahawa punca murid-murid kurang menguasai rukun Qauli dalam solat ialah tidak ada latihan tubi yang berterusan, tidak dipantau oleh guru atau ibu-bapa serta perlakuan dilakukan sekadar melepaskan batuk di tangga kerana kurang dorongan dan minat.

Manakala di dalam sebuah kajian yang bertajuk “Masalah Pengabaian Solat Murid Tahun Lima Dalam Program Tasmik di SK Permai Indah, Bukit Mertajam” memperlihatkan bahawa teknik pengajaran yang digunakan akan memberikan kesan yang baik kepada murid-murid dalam mengawal tingkah laku mereka. Hanisah Binti Ismail (2011) berpendapat guru-guru seharusnya sentiasa memantau perlakuan solat murid sewaktu program tasmik dijalankan. Ini kerana pendidikan yang disampaikan oleh mereka sebagai muaddib di dalam kelas menyebabkan guru-guru lebih mengenali sikap setiap murid. Ini menjadikan murid-murid lebih mudah mendengar arahan guru untuk melakukan solat.

Qamarul Arifin Bin Mohd Saleh (2010) mengatakan pengajaran murid secara latihan tubi dapat membantu murid memahami dan mencapai prestasi cemerlang dalam solat. Minat dan sikap instristik murid untuk mendirikan solat jelas kelihatan melalui pelbagai aktiviti yang disertai semasa pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

Salma Binti Mohd Hassan (2009) di dalam kajiannya yang bertajuk “Penggunaan Media sebagai Bahan Bantu Mengajar dalam Pengajaran dan Pembelajaran ibadah Solat Bagi Mata Pelajaran Pendidikan Islam Tahun 2”

menyatakan bahawa kebanyakan murid khususnya murid sekolah rendah menganggap mata pelajaran Pendidikan Islam sebagai mata pelajaran yang tidak penting kerana mata pelajaran ini tidak termasuk dalam Peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Secara tidak langsung menyebabkan mereka kurang minat menguasainya. Oleh itu wajar sebagai pendidik memikirkan satu kaedah atau strategi yang dapat menarik minat murid untuk mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam.

Menurut Marziah Binti Amir Ghulam (2009) di dalam kajian kesnya, beliau berpendapat Ibu bapa seharusnya memberikan perhatian yang lebih kepada anak-anak dalam aspek pendidikan agama. Ini kerana pendidikan yang disampaikan oleh mereka sebagai orang yang paling rapat dengan anak-anak menjadikan anak-anak lebih yakin untuk melakukan solat. Solat sangat penting dalam kehidupan kerana ia dapat menjadi benteng dalam diri dan menjadikan diri lebih berperibadi mulia. Di samping itu ibu bapa hendaklah memberikan hukuman kepada anak-anak yang tidak melakukan solat.

Dearana Morshidi (2010) mengatakan bahawa tahap pengetahuan tentang solat bagi respondennya berada pada tahap yang tinggi dan penghayatan akhlak pelajar pada tahap sederhana tinggi. Kajiannya juga memperlihatkan bahawa terdapat perbezaan signifikan dalam pengetahuan tentang solat dan penghayatan akhlak pelajar mengikut jantina, aliran kursus, gred pencapaian Pendidikan Islam PMR dan kemahiran membaca al-Quran. Hasil kajiannya juga mendapati wujud hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan tentang solat dengan amalan solat, pengetahuan dengan penghayatan akhlak, amalan solat dengan dengan penghayatan akhlak dan juga faktor solat, faktor pembelajaran sosial guru dan pengetahuan tentang solat menyumbang dan mempengaruhi penghayatan akhlak dalam kalangan pelajar.

Nur Dalilah Zakaria dan Raihanah Azahari (2013) mendapati bahawa tahap pendidikan memberi kesan kepada pelaksanaan kepada pelaksanaan solat responden dan tiada hubungan yang signifikan antara konflik rumah tangga dengan ibadat solat seseorang. Pada dasarnya hakikat solat yang perlu difahami bukanlah sekadar melaksanakannya sebagai rutin tetapi ia haruslah menepati matlamatnya iaitu sebagai medium utama pembersihan jiwa dari segala yang merosakkan dan seterusnya melahirkan peribadi yang seimbang dalam kehidupan hariannya. Dengan demikian solat akan menjadi benteng bagi segala yang buruk dan mungkar.

Shukri Ahmad et.all (2014) membincangkan secara keseluruhan isu penghayatan solat dan pengimarahkan masjid dalam kalangan pelajar universiti. Hasil kajian secara menyeluruh didapati para pelajar universiti tidak menitik beratkan amalan solat dalam kehidupan mereka. Hasil daripada pengabaian solat, masjid-masjid dan surau universiti menjadi lapang dan kosong setiap kali solat fardhu mahu pun ketika program kuliah-kuliah agama diadakan. Perbincangan dalam kajiannya juga mencadangkan peranan dari pelbagai pihak di universiti iaitu pihak pengurusan tertinggi, Pusat Islam, Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan pendidik iaitu pensyarah, tutor serta kakitangan universiti. Dengan penggabungan tenaga daripada pelbagai pihak ini diharap dapat menyelesaikan isu ini dan seterusnya dapat mengembalikan kegemilangan masjid sebagai pusat kegiatan umat Islam.

Rosmaziah Binti Abdul Kadir @ Ismail (2009) mengatakan bahawa responden mengetahui dan memahami tentang solat sunat. Namun tahap pengamalan pelajar dalam melaksanakan solat sunat masih kurang memuaskan. Oleh itu beberapa cadangan dikemukakan kepada pihak tertentu untuk diambil tindakan bagi meningkatkan

tahap kefahaman dan mempertingkatkan lagi pengamalan solat sunat di kalangan pelajar SPI khususnya di kampus.

Sharifah Nur Binti Abu (2012) mengatakan bahawa hasil analisis menunjukkan bahawa responden mengetahui dan memahami tentang kepentingan solat. Namun tahap pengamalan pelajar melaksanakan solat masih kurang memuaskan.

Manakala dalam kajian Napisah Hj. Humni et.al (2004) pula, kajian ini bertujuan meninjau tahap pelaksanaan ibadah solat fardhu di kalangan guru pelatih Islam, meninjau latar belakang pendidikan Al-Quran responden dan faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan ibadat solat fardhu lima waktu di kalangan guru pelatih Islam Maktab Perguruan Batu Lintang (MPBL). Dapatan kajian menunjukkan bahawa lebih daripada separuh (65%) mengatakan pendidikan agama dan pengaruh rakan mempengaruhi pelaksanaan ibadah solat fardhu. Dapatan kajian juga menunjukkan faktor beban kuliah dan pengaruh rakan sebagai faktor yang tidak menggalakkan pelaksanaan ibadah solat. Ini menggambarkan bahawa faktor pengaruh rakan amat dominan dalam mempengaruhi pelaksanaan ibadah solat di kalangan responden. Justeru, program-program yang melibatkan program kesedaran dan bimbingan rakan sebaya perlu digerak cergaskan untuk memaknakan penghayatan dan pelaksanaan ibadah solat itu sendiri.

2.4 KESIMPULAN

Setelah meneliti dapatan kajian lepas, pengkaji dapat merumuskan bahawa pengamalan solat fardhu dalam kalangan pelajar khususnya dan umumnya masyarakat Malaysia masih kurang memuaskan. Menurut kajian yang dilakukan oleh Dato' Dr. Mohd Fadzilah Kamsah sejumlah 80% umat Islam di Malaysia masih tidak menyempurnakan solat lima waktu dalam sehari. Peratusan angka ini diperolehi melalui tinjauan beliau menerusi program-program ceramah dan motivasi yang dijalankan di seluruh negara serta pemerhatian terhadap gaya hidup. Kadar pelaksanaan solat yang rendah mungkin dapat dikaitkan dengan tahap pengetahuan dan rasa tanggungjawab mereka terhadap penciptanya. Apakah faktor yang menyebabkan sejumlah besar rakyat Malaysia umumnya dan pelajar khususnya tidak dapat diselesaikan dengan mengatakan bahawa mereka tidak tahu untuk melaksanakan solat. Sebenarnya banyak faktor yang menyebabkan mereka tidak melaksanakan perintah Allah ini. Dalam kajian ini penyelidik hendak mengetahui apakah tahap kefahaman pelajar akan kepentingan solat, tahap pengamalan dan faktor-faktor yang mempengaruhi murid untuk melaksanakan solat.

BAB 3

METODOLOGI

3.1 PENDAHULUAN

Metodologi penelitian diertikan sebagai ilmu tentang cara mengadakan penelitian (1975). Ia berasal dari bahasa Yunani; *methods* yang bererti cara atau jalan. Dalam bidang penelitian secara ilmiah,metod merupakan cara bekerja untuk memahami objek yang menjadi sasaran penelitian. Manakala penyelidikan bermaksud tatacara yang teratur yang digunakan oleh manusia untuk menambah ilmu pengetahuan baru dan berbeza sekali dengan penemuan ilmu secara kebetulan atau spontan.

Secara amnya di dalam bab ini penyelidik akan menerangkan secara terperinci kaedah dan prosedur pengumpulan data bagi penyelidikan. Penyelidik akan memberi gambaran kepada pembaca tentang reka bentuk penyelidikan,kerangka konsepsi kajian,kaedah yang digunakan dala penyelidikan, populasi dan sampel serta instrumen penyelidikan,bagaimana penyelidik menganalisis dan mengumpul data.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Penyelidik akan menggunakan kaedah kajian kuantitatif. Kajian ini menguji spesifik hipotesis yang telah ditetapkan pada awalnya,sampel kajian yang besar, pengukuran angka-angka,dianalisa secara statistik,menggunakan jadual menggambarkan dapatan kajian dan dapatannya boleh digeneralisasikan (Suter,1998). Kajian ini berasaskan

paradigma positivism yang melihat sesuatu kejadian, isu sebagai yang boleh diperhatikan, dimanipulasi dan diukur.


Penyelidikan Kuantitatif ialah penyelidikan yang sistematik berdasarkan nilai numerikal atau statistik yang bertujuan untuk menguji teori, melihat hubungan, mengubah, menjelaskan fenomena dari segi sebab penyebab, membuat ramalan dan membuat tinjauan.

Menurut Sabitha Marican (2005), penyelidikan kuantitatif akan digunakan sekiranya persoalan kajian memerlukan penjelasan yang jitu dalam bentuk numerik. Kajian berbentuk kuantitatif selalu diperhatikan dalam bentuk perkiraan yang merangkumi nombor dan formula-formula tertentu. Hasil kajian merangkumi formula-formula tertentu dalam bentuk gambar rajah, jadual dan perkiraan statistik.


Menurut Mohd Majid Konting (2004), penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Tujuan penyelidik menjalankan pengajian ini adalah untuk melihat kefahaman murid Tahun Tiga Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 14(1) terhadap kepentingan ibadah solat. Selain itu penyelidikan ini dijalankan untuk mengetahui tahap pengamalan solat fardhu dan faktor-faktor utama yang mempengaruhi murid dalam menunaikan solat.

Ia juga adalah penyelidikan kuantitatif berbentuk kajian tinjauan di mana melibatkan penggunaan soal selidik atau maklumat statistik untuk mengumpulkan data mengenai sesuatu populasi, pemikiran atau tingkah laku responden. Analisis deskriptif seperti min, mod, median, peratus dan kekerapan akan dijalankan untuk mendapatkan maklumat dan data mengenai perkara di atas melalui sampel yang diperolehi daripada responden.

RAJAH 2: Kerangka Konsepsi Kajian Tentang Kefahaman dan Penghayatan Amalan Solat Dalam Kalangan Murid Tahun Tiga Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 14(1).



RAJAH 3: Kerangka Konsepsi Kajian mengenai input dan ouput yang akan diperolehi setelah kajian tentang Kefahaman dan Penghayatan Amalan Solat dalam kalangan Murid Tahun Tiga Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 14(1).



3.3 KAEDAH TINJAUAN

Kajian tinjauan atau biasa disebut kajian survey merupakan salah satu kaedah penyelidikan bukan berbentuk eksperimen yang paling popular digunakan dalam pelbagai bidang khususnya dalam bidang sains sosial. Kajian tinjauan juga banyak digunakan dalam bidang pendidikan. Kajian tinjauan digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada responden yang ramai iaitu ratusan ataupun ribuan responden (Marican, 2006). Kajian tinjauan dijalankan ke atas sampel dalam sesuatu populasi. Sampel yang terpilih mestilah mempunyai ciri-ciri atau sifat-sifat populasi yang ingin dikaji supaya maklumat yang diperolehi melalui kajian berkenaan boleh memberi kenyataan dan gambaran umum tentang keseluruhan populasi yang dikaji. Justeru itu, salah satu tujuan menjalankan kajian tinjauan ialah untuk membuat kenyataan umum (generalization) tentang sesuatu populasi.

Berikut disenaraikan ciri-ciri kajian tinjauan: kajian menyeluruh mengenai sesuatu isu atau masalah, kutipan data yang cepat, penggunaan saiz sampel yang besar, maklumat dipungut secara terus daripada responden dalam masa singkat dan dapat membuat kenyataan umum untuk sesuatu populasi kajian (Chua, 2006). Terdapat beberapa cara pemilihan sampel dalam kajian tinjauan iaitu melalui pensampelan rawak mudah (simple random sampling), persampelan berstrata (stratified sampling), persampelan sistematik (systematic sampling) dan persampelan kelompok (cluster sampling). Walau bagaimanapun pemilihan sampel dalam kajian tinjauan adalah secara rawak daripada sesuatu populasi yang dikenal pasti (Gay & Airasian, 2000).

Kajian tinjauan boleh dijalankan menggunakan soal selidik melalui pos dan temu bual secara lisan atau secara kertas-pensil, melalui SMS, e-mail serta telefon. Soal

selidik ialah alat ukur yang paling popular dalam kajian tinjauan manakala temu bual dijalankan untuk menyokong hasil kajian yang diperolehi. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini biasanya disediakan oleh penyelidik. Walau bagaimanapun soal selidik yang sedia ada dan soal selidik penyelidikan terdahulu iaitu yang telah melalui proses pengesahan dan diuji kebolehpercayaannya boleh juga digunakan. Sekiranya penyelidik perlu menyediakan instrumen soal selidik beberapa perkara perlu diambil perhatian. Ciri-ciri instrumen soal selidik yang baik mestilah sesuai dengan kesediaan responden, format instrumen yang sistematik, arahan yang jelas, surat dan dokumen disertakan bersama instrumen kajian serta ujian rintis perlu dijalankan sebelum instrumen digunakan (Chua, 2006). Selain soal selidik, temu bual juga boleh digunakan dalam kajian tinjauan. Beberapa bentuk temu bual boleh digunakan iaitu temu bual berstruktur, temu bual semi struktur, temu bual tidak berstruktur. Walau bagaimanapun temu bual tidak berstruktur jarang digunakan dalam kajian tinjauan kerana temu bual ini biasanya digunakan untuk mendapatkan maklumat mendalam berkaitan sesuatu fenomena atau isu (Gay & Airasian, 2000). Panduan membentuk item-item soal selidik ialah penggunaan bahasa yang mudah, selaras dengan responden, elakkan soalan yang sukar, soalan yang tidak mempengaruhi pemilihan responden, elakkan soalan dwi-maksud, soal selidik yang terlalu panjang, elakkan soalan yang kabur, elakkan mendorong jawapan yang digemari masyarakat, elakkan soalan yang berarah dan item yang negatif (Merican, 2006). Item-item soal selidik boleh menggunakan ukuran dalam bentuk skala likert, skala perbezaan semantik, skala Thurstone dan skala Gutman (Gay & Airasian, 2000).

Pengkaji memilih kaedah tinjauan ini adalah kerana kajian yang dibuat ini melibatkan penggunaan soal selidik atau maklumat statistik untuk mengumpulkan data mengenai sesuatu populasi, pemikiran atau tingkah laku responden. Analisis deskriptif seperti min, mod, median, peratus dan kekerapan yang dijalankan untuk mendapatkan maklumat dan data mengenai perkara di atas melalui sampel yang diperolehi daripada responden dengan lebih tepat dan cepat.

3.4 PERSAMPELAN KAJIAN

Populasi ialah semua ahli dalam kelompok individu yang akan dikaji menurut Mohd Najib Ghafar, (1999). Manakala menurut Mohd Majid Konting, (2004) pula, populasi merujuk kepada satu set ciri yang menunjukkan cerapan atau ukuran yang tertentu ke atas sekumpulan individu atau objek. Sampel dalam kajian ini adalah murid Islam Tahun Tiga Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 14(1) 2016. Responden dalam kajian ini hanya dipilih secara rawak seramai 69 orang sahaja.

3.5 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian merupakan alat untuk mendapatkan data dari sampel kajian. Menurut Mohd Najib Ghafar,(1999) instrument kajian juga menentukan jenis data yang diperolehi dan ini mempengaruhi jenis analisis penyelidikan. Teknik pengumpulan data yang akan digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan borang soal selidik. Soal selidik adalah yang paling banyak dan popular digunakan dalam kajian sains sosial. Menurut Mohd Najib Ghafar (1999), menyatakan soal selidik merupakan alat

ukur yang digunakan dalam penyelidikan untuk mendapatkan maklumat yang cepat dan tepat terutamanya dalam fakta-fakta kepercayaan, perasaan dan sebagainya.

3.6 PENGUMPULAN DATA

Dalam kajian ini, elemen pengumpulan data yang digunakan ialah :

3.6.1 Soal Selidik

Di dalam borang soal selidik terdapat empat bahagian iaitu A,B,C,dan D. Dalam setiap bahagian mengandungi 6 hingga 10 item. Bahagian A mengandungi 6 item yang berkaitan dengan maklumat-maklumat asas demografi atau maklumat diri murid. Bahagian B pula mengandungi soalan-soalan berkaitan amalan solat fardhu murid setiap hari. Bahagian ini mengandungi 10 item. Seterusnya bahagian C mengandungi 10 item berkaitan faktor-faktor utama yang mempengaruhi murid-murid Tahun Tiga melakukan amalan solat. Manakala bahagian D pula mengandungi 10 item yang berkaitan pengetahuan murid tentang kepentingan menunaikan solat fardhu dalam kehidupan. Jumlah keseluruhan item ialah 36.

3.7 PENGANALISISAN DATA

Di dalam kajian ini penyelidik akan menggunakan kaedah analisis data deskriptif. Analisis ini digunakan bagi tujuan terperinci tentang sesuatu pemboleh ubah dikaji. Data yang diperolehi akan dibincangkan dalam bentuk statistik deskriptif yang menggunakan indeks mod,min,frekuensi dan peratusan.Data boleh diproses menggunakan program *Statistical Package For the Social Science Version 20.0* (SPSS Ver.20.0).

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENDAHULUAN

Kajian ini dijalankan ke atas murid-murid Tahun Tiga seramai 69 orang (25.55%) daripada 270 orang murid keseluruhannya merangkumi dua buah kelas yang dipilih secara rawak. Kajian berkaitan dengan maklumat asas diri murid akan mengenal pasti jantina, kelas, bersekolah agama KAFA, tinggal bersama, pekerjaan ibu bapa atau penjaga dan siapakah yang mengajar murid solat. Selain itu, untuk aspek amalan solat akan menganalisis berkaitan solat fardhu Subuh, Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak di samping solat sunat. Kajian ini juga turut menganalisis berkaitan kepentingan solat dan faktor-faktor yang mempengaruhi murid untuk menunaikan solat fardhu.

4.1.1 Bahagian A : Maklumat Asas / Demografi / Diri Murid.

JADUAL 1: Maklumat Responden

Latar Belakang Responden		Frekuensi	Peratus
Jantina	Lelaki	28	40.6
	Perempuan	41	59.4
Kelas	3 Hamka	35	50.72
	3 Baihaqi	34	49.28
Bersekolah Agama KAFA	Ya	58	84.1
	Tidak	11	15.9
Tinggal Bersama	Ibu bapa	69	100
	Datuk/ Nenek	0	0
	Mak cik/ Pak cik	0	0
Pekerjaan Ibu bapa atau Penjaga	Kakitangan Kerajaan	59	85.5
	Kakitangan Swasta	10	14.5
	Sendiri	0	0
	Tidak Bekerja	0	0
Siapakah yang mengajar anda solat	Ibu bapa	59	85.5
	Ustaz/ Ustazah	8	11.6
	Rakan	1	1.4
	Orang Lain	1	1.4

Dari aspek jantina, 28 orang (40.6%) adalah lelaki manakala 41 orang (59.4%) adalah perempuan. Dari segi kelas pula, 35 orang (50.72%) terdiri dari kelas 3 Hamka dan 34 orang (49.28%) terdiri dari kelas 3 Baihaqi. Dari aspek bersekolah agama KAFA pula, 58 orang (84.1%) bersekolah dan hanya 11 orang (15.9%) tidak bersekolah.

Dari aspek tempat tinggal pula, kesemua murid tinggal bersama ibu bapa seramai 69 orang (100%). Manakala dari segi pekerjaan ibu bapa atau penjaga murid, didapati 59 orang (85.5%) yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan, dan 10 orang (14.5%) bekerja sebagai kakitangan swasta.

Dari aspek mendapat pengajaran tentang solat pula, responden mengatakan mereka belajar solat daripada ibu bapa seramai 59 orang (85.5%), yang mendapat pengajaran dari ustaz/ustazah adalah seramai 8 orang (11.6%) dan 1 orang (1.4%) sahaja yang diajar oleh orang lain dan rakan manakala 1 orang (1.4%) yang mendapat pengajaran dari rakan.

4.1.2 Bahagian B : Amalan Menunaikan Solat

JADUAL 2: Amalan Solat.

Pernyataan/ item	TP	K	KK	SK	Skor	Sisihan
	F %	F %	F %	F %	Min	Piawai
Menunaikan Solat Maghrib	3	19	15	32	3.10	0.957
	4.3	27.5	21.7	46.4		
Menunaikan Solat Zuhur	7	23	17	22	2.78	1.012
	10.1	33.3	24.6	31.9		
Menunaikan Solat Asar	2	21	17	29	3.05	0.921
	2.9	30.4	24.6	42.0		
Menunaikan Solat Isyak	8	23	20	18	2.69	0.989
	11.6	33.3	29.0	26.1		
Menunaikan Solat Subuh	7	38	12	12	2.42	0.897
	10.1	55.1	17.4	17.4		
Menunaikan Solat Jumaat atau Solat sunat	30	20	8	11	2.00	1.09
	43.5	29.0	11.6	15.9		
Saya tidak Solat Subuh kerana bangun tidur lewat atau tidak tahu membaca doa Qunut	33	21	10	5	1.81	0.943
	47.8	30.4	14.5	7.2		
Saya tidak menunaikan solat Zuhur dan Asar kerana leka bermain dan malas menunaikannya	39	19	6	5	1.66	0.918
	56.5	27.5	8.7	7.2		
Saya tidak menunaikan solat Maghrib dan Isyak kerana penat dan tidur awal	25	25	12	7	2.01	0.977
	36.2	36.2	17.4	10.1		
Saya tidak solat Zuhur sebelum ke sekolah agama KAFA kerana tidak sempat	30	27	7	5	1.81	0.895
	43.5	39.1	10.1	7.2		

Jumlah Skor Min

2.33

(TP: Tidak Pernah, K: Kadang-Kadang, KK: Kerap Kali, SK: Setiap Kali)

Hasil analisis untuk Bahagian B : Tahap amalan menunaikan solat dalam kalangan murid tahun tiga dapat ditunjukkan dalam Jadual 2. Dalam jadual 2 menunjukkan peratusan, skor min dan sisihan piawai (sp) tahap amalan mereka. Berikut adalah analisis data berdasarkan setiap *variable* yang terbahagi kepada 10 item.

Hasil analisis mendapati skor min yang tertinggi adalah dalam menunaikan solat Maghrib iaitu 3.10 dan sisihan piawai 0.957. Seramai 32 orang responden (46.4%) menunaikan solat Maghrib, 15 orang (21.7%) kerap kali, 19 orang (27.5%) kadang-kadang menunaikannya dan hanya tiga orang (4.3%) tidak pernah.

Bagi solat fardhu Zuhur pula, 22 orang (31.9%) setiap kali, 17 orang (24.6%) kerap kali, 23 orang kadang-kadang (33.3%) dan 7 orang (10.1%) tidak pernah. Skor min diperolehi 2.78 sisihan piawai 1.012.

Bagi solat Asar, 29 orang responden (42.0%) menunaikan solat Asar setiap kali, 17 orang (24.6%) kerap kali dan 21 orang (30.4%) kadang-kadang dan masih ada 2 orang (2.9%) yang tidak pernah melakukannya. Skor min sebanyak 3.05 dan sisihan piawai 0.921.

18 orang responden (26.1%) menunaikan setiap kali solat Isyak, 20 orang (29.0%) kerap kali dan 23 orang (33.3%) kadang-kadang dan 8 orang (11.6%) tidak pernah. Skor min 2.69 dan sisihan piawai 0.989.

Seramai 12 orang responden (17.4%) menunaikan solat Subuh setiap kali, 12 orang (17.4%) kerap kali, 38 orang (55.1%) kadang - kadang, 7 orang (10.1%) tidak pernah menunaikannya. Skor min 2.42 dan sisihan piawai 0.897.

Hasil analisis mendapati seramai 11 orang responden (15.9%) setiap kali menunaikan solat Jumaat atau solat-solat sunat. Seramai 8 orang (11.6%) kerap kali melakukannya, 20 orang (29.0%) kadang-kadang melakukannya dan 30 orang (43.5%) langsung tidak pernah. Skor min 2.00 sisihan piawai 1.09.

Bagi pernyataan : “*Saya tidak Solat Subuh kerana bangun tidur lewat atau tidak tahu membaca doa Qunut*”, 5 orang (7.2%) setiap kali melakukannya, 10 orang (14.5%) kerap kali, 21 orang (30.4%) kadang-kadang dan 33 orang (47.8%) juga yang tidak pernah berbuat demikian. Skor min yang diperoleh 1.81 sisihan piawai 0.979.

Seramai 16 orang (53.3%) menyangkal kenyataan “*Saya tidak solat Asar kerana leka bermain dan malas menunaikannya.*” 5 orang (7.2%) setiap kali melakukannya, 19 orang (27.5%) hanya kadang-kadang sahaja tidak solat kerana leka bermain, 6 orang (8.7%) kerap kali meninggalkannya kerana bermain dan malas menunaikannya dan jumlah yang ramai iaitu 39 orang (56.5%) tidak pernah meninggalkan solat kerana hal-hal tersebut. Skor min yang diperoleh 1.66, sisihan piawai 0.91.

Bagi pernyataan : “*Saya tidak menunaikan solat Maghrib dan Isyak kerana penat dan tidur awal*”, seramai 7 orang (10.1%) yang setiap kali berbuat demikian, 12 orang (17.4%) yang kerap kali penat dan tertidur sehingga tidak solat Maghrib dan Isyak, 25 orang (36.2%) yang kadang-kadang melakukannya dan ramai juga yang menyangkal kenyataan ini iaitu 25 orang (43.3%). Skor min yang diperolehi 2.01 dan sisihan piawai sebanyak 0.977.

Berdasarkan kenyataan “*Saya tidak solat Zuhur sebelum ke sekolah agama Kafa kerana tidak sempat*” menunjukkan skor min 1.81 dan sisihan piawai 0.895 di mana 30 orang responden (43.5%) tidak pernah berbuat demikian, 27 orang (39.1%) kadang-kadang sahaja tidak solat Zuhur kerana tidak sempat, 7 orang (10.1%) kerap kali meninggalkan solat dan 5 orang (7.2%) juga setiap kali meninggalkan solat tersebut.

Daripada Jadual 2 dapat dikatakan bahawa responden menunaikan Solat Maghrib mencapai skor min tertinggi iaitu 3.10 sp 0.899. Manakala skor min terendah “*Saya tidak solat Zuhur dan Asar kerana leka bermain dan malas menunaikannya*” dengan skor min 1.66, sisihan piawai 0.918.

4.1.3 Bahagian C: Faktor-Faktor Dalam Melaksanakan Solat

JADUAL 3 : Faktor-faktor Dalam Melaksanakan Solat

Pernyataan/ item	STS	TS	TP	S	SS	Skor	Tahap
	F	F	F	F	F	Min	
	%	%	%	%	%		
Ibu bapa saya sering menunaikan solat di rumah	0	1	9	7	52	4.59	Tinggi
	0	1.4	13.0	10.1	75.4		
Guru banyak membantu saya memperbaiki bacaan dalam solat	1	1	6	21	40	4.42	Tinggi
	1.4	1.4	8.7	30.4	58.0		
Saya sentiasa berusaha untuk menunaikan solat dengan sempurna	2	2	7	14	44	4.39	Tinggi
	2.9	2.9	10.1	20.3	63.8		
Guru mengigati saya untuk menunaikan solat dengan sempurna disamping tugas menuntut ilmu	0	0	13	22	34	4.30	Tinggi
	0	0	18.8	31.9	49.3		
Saya telah dididik oleh ibu bapa saya sejak kecil lagi untuk menunaikan solat	2	2	20	10	35	4.07	Tinggi
	2.9	2.9	29.0	14.5	50.7		
Saya mencontohi rakan yang sentiasa melaksanakan solat	3	4	17	13	32	3.97	Sederhana
	4.3	5.8	24.6	18.8	46.4		
Saya berasa tidak tenang apabila tidak menunaikan solat	5	7	23	8	26	3.62	Sederhana
	7.2	10.1	33.3	11.6	37.7		
Rakan selalu mengajak saya untuk menunaikan solat di surau sekolah	4	7	21	19	18	3.57	Sederhana
	5.8	10.1	30.4	27.5	26.1		
Masyarakat sekeliling banyak mempengaruhi saya untuk menunaikan solat	7	1	34	10	17	3.42	Lemah
	10.1	1.4	49.3	14.5	24.6		

Ibu bapa akan memberi hukuman sekiranya saya tinggalkan solat	9	5	23	15	17	3.37	Lemah
	13.0	7.2	33.3	21.7	24.6		

Jumlah Skor Min

3.97

(STS: Sangat Tidak Setuju, TS: Tidak Setuju, TP: Tidak Pasti, S: Setuju, SS: Sangat Setuju)

Berdasarkan Jadual 3 didapati skor min yang tinggi bagi faktor-faktor dalam melaksanakan solat ialah pernyataan “*Ibu bapa saya sering menunaikan solat di rumah*” (skor min 4.59), “*Guru banyak membantu saya memperbaiki bacaan dalam solat*” (skor min 4.42), “*Saya sentiasa berusaha untuk menunaikan solat dengan sempurna*” (skor min 4.39), “*Guru mengingatkan saya untuk menunaikan solat dengan sempurna di samping tugas menuntut ilmu*” (skor min 4.30) dan item “*Saya telah dididik oleh ibu bapa saya sejak kecil lagi untuk menunaikan solat*” (skor min 4.07). Seterusnya item “*Saya mencontohi rakan yang sentiasa menunaikan solat*” (skor min 3.97) pada tahap sederhana. Seramai 34 orang murid (49.3%) sangat bersetuju dalam peranan guru yang mengingatkan mereka untuk menunaikan solat dengan sempurna di samping tugas menuntut ilmu.

Bilangan sangat setuju bagi item “*Guru membantu dalam memperbaiki bacaan solat*” juga seramai 40 orang (58.0%) dan yang bersetuju seramai 21 orang (30.4%). Seramai 52 orang (75.4%) sangat bersetuju bagi item “*Ibu bapa menunaikan solat di rumah*”, manakala 7 orang (10.1%) bersetuju dan 9 orang (13.0%) tidak pasti tentang itu.


Manakala bagi murid yang mendapat didikan dari ibu bapa sejak kecil lagi dalam menunaikan solat, seramai 35 orang (50.7%) sangat bersetuju, 10 orang (14.5%)

bersetuju. Namun ada yang sangat tidak setuju iaitu seramai 2 orang (2.9%). Bagi item “*Saya sentiasa berusaha untuk menunaikan solat dengan sempurna*” seramai 44 orang (63.8%) sangat setuju manakala 14 orang (20.3%) setuju, 7 orang (10.1%) tidak pasti dan 2 orang (2.9%) tidak setuju dengan skor min 4.39 masih berada di tahap yang tinggi.

Bagi item “*Ibu bapa akan memberi hukuman sekiranya meninggalkan solat*”, seramai 17 orang (24.6%) sangat setuju manakala 15 orang (21.7%) setuju, dan 23 orang (33.3%) tidak pasti dengan skor min 3.37 iaitu tahap rendah. Seramai 26 orang (37.7%) sangat setuju bagi item saya berasa tidak tenang apabila tidak menunaikan solat manakala 8 orang (11.6%) setuju. Namun begitu hanya terdapat 5 orang sahaja (7.2%) yang mengatakan sangat tidak setuju (Skor min 3.62).

Seramai 17 orang murid (24.5%) sangat setuju dengan peranan masyarakat sekeliling yang banyak mempengaruhi dalam menunaikan solat, manakala 10 orang (14.5%) setuju, 34 orang (49.3%) tidak pasti dan hanya 1 orang sahaja (1.4%) yang tidak setuju dengan skor min 3.42. Didapati seramai 32 orang (46.4%) yang sangat setuju dalam mencontohi rakan yang sentiasa menunaikan solat, 13 orang (18.8%) bersetuju, 17 orang yang tidak pasti (24.6%) manakala 4 orang murid yang tidak bersetuju (5.8%) dan 3 orang (4.3%) sangat tidak setuju.

Skor min yang paling rendah pada item “*Ibu bapa akan memberi hukuman sekiranya saya tinggalkan solat*” (3.37) iaitu tahap lemah. Didapati 17 orang (24.6%) sangat setuju, 15 orang (21.7%) setuju manakala 23 orang (33.3%) mengatakan tidak pasti, 5 orang (7.2%) tidak setuju dan 9 orang (13.0%) sangat tidak setuju.

JADUAL 4 : Tahap Skor Min Faktor-faktor Dalam Melaksanakan Solat

Berdasarkan jadual 4 di atas,tahap skor min faktor-faktor dalam melaksanakan solat dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu skor min 1.00 hingga 3.49 adalah rendah,3.50 hingga 4.09 adalah sederhana manakala 4.10 hingga 5.00 adalah berada pada tahap tinggi.

Bagi item C01 hingga C05 (4.07 hingga 4.59) skor min responden mencatatkan tahap tinggi bagi faktor-faktor dalam melaksanakan solat,item C06, C07 dan C08 (3.57 hingga 3.97) mencatatkan tahap sederhana manakala tahap rendah adalah item C09 dan C10 (3.37 hingga 3.42). Ini menunjukkan faktor masyarakat dan hukuman ibu bapa kurang mempengaruhi murid dalam melaksanakan solat.

4.1.4 Bahagian D : Kepentingan Solat

JADUAL 5 : Kepentingan Solat

Pernyataan/ item	STS	TS	TP	S	SS	Skor	Tahap
	F	F	F	F	F	Min	
	%	%	%	%	%		
Solat dapat menghapuskan dosa yang dilakukan	1 1.4	2 2.9	6 8.7	11 15.9	49 71.0	4.52	Tinggi
Saya merasa lebih dekat kepada Allah melalui solat	1 1.4	0 0	12 17.4	6 8.7	50 72.5	4.50	Tinggi
Dengan mendirikan solat, badan saya lebih sihat dan cergas	1 1.4	2 2.9	11 15.9	16 23.2	39 56.5	4.30	Tinggi
Solat berjemaah dapat mengeratkan hubungan silaturrahim dalam kalangan murid	0 0	3 4.3	14 20.3	16 23.3	36 52.2	4.23	Tinggi
Saya merasa berdosa sekiranya meninggalkan solat	4 5.8	3 4.3	6 8.7	17 24.6	39 56.5	4.21	Tinggi
Solat dapat memberi kesan positif kepada kesihatan saya	1 1.4	0 0	18 26.1	15 21.7	35 50.7	4.20	Tinggi
Melalui solat menjadikan diri saya lebih bersistematik dalam tugas	3 4.3	0 0	20 29.0	11 15.9	35 50.7	4.08	sederhana
Solat dapat mendisiplinkan pengurusan masa saya	0 0	3 4.3	15 21.7	27 39.1	24 34.8	4.04	sederhana
Solat dapat mencegah diri saya dari melakukan maksiat.	4 5.8	1 1.4	14 20.3	19 27.5	31 44.9	4.04	sederhana

Melalui solat berjemaah,saya dapat mengenali ramai rakan.	2	4	13	21	29	4.0	sederhana
	2.9	5.8	18.8	30.4	42.0		

Jumlah Skor Min	4.21
-----------------	------

(STS: Sangat Tidak Setuju, TS: Tidak Setuju,TP: Tidak Pasti, S: Setuju, SS: Sangat Setuju)

Berdasarkan jadual 5 didapati skor min yang tertinggi tentang kepentingan solat adalah bagi item “*Solat dapat menghapuskan dosa yang dilakukan*” (skor min 4.52) dan “*Saya merasa lebih dekat kepada Allah melalui solat*“(skor min 4.50).

Didapati jumlah murid yang ramai iaitu 50 orang (72.5%) sangat setuju dengan solat dapat mendekatkan diri kepada Allah dan 6 orang bersetuju (8.7%). Tahap tertinggi (skor min 4.52) bagi item solat dapat menghapuskan dosa. Seramai 49 orang yang sangat setuju (71.0%),11 orang (15.9%) setuju solat dapat menghapuskan dosa manakala 6 orang (8.7%) tidak pasti.

Seramai 39 orang murid (56.5%) sangat bersetuju dengan mendirikan solat badan akan lebih sihat dan cergas. Seramai 16 orang (23.2%) setuju manakala 11 orang (15.9%) tidak pasti. (Skor min 4.30). Skor min tahap tinggi juga (4.21) bagi item merasa berdosa sekiranya meninggalkan solat. Didapati 39 orang (56.5%) sangat setuju,17 orang ((24.6%) setuju manakala 6 orang (8.7%) tidak pasti dan 3 orang (4.3%) tidak setuju dengan pernyataan itu.

Solat berjemaah dapat mengeratkan hubungan silaturrahim dalam kalangan murid (skor min 4.23). Didapati 36 orang (52.2%) sangat setuju manakala 16 orang (23.2%) setuju dan didapati 14 orang (20.3%) masih tidak pasti.


Dengan skor min tahap tinggi iaitu 4.04, hasil analisis mendapati 24 orang murid (34.8%) sangat setuju dengan solat dapat mendisiplinkan pengurusan masa. Seramai 27 orang (39.1%) setuju manakala 15 orang (21.7%) masih tidak pasti dan hanya 3 orang sahaja (4.3%) tidak setuju.

Didapati 35 orang murid (50.7%) sangat setuju bahawa solat dapat memberi kesan positif kepada kesihatan. 15 orang (21.7%) setuju, 18 orang (26.1%) tidak pasti. Namun begitu didapati 1 orang yang sangat tidak setuju. (1.4%). Skor min 4.20.

Bagi item "*Solat berjamaah dapat mengenali ramai kawan*" pula, 29 orang (42.0%) sangat setuju, 21 orang (30.4%) setuju manakala 13 orang (23.3%) tidak pasti.

Seramai 35 orang (50.7%) yang sangat setuju melalui solat dapat menjadikan diri lebih bersistematik dalam tugas. (Skor min 4.08). 11 orang (15.9%) setuju, 20 orang (29.0%) tidak pasti dan 3 orang sahaja (4.3%) tidak setuju.

Tahap yang paling rendah tetapi masih mencapai tahap sederhana, (skor min 4.04) bagi item solat dapat mencegah diri saya dari melakukan maksiat. 31 orang (44.9%) sangat setuju, 19 orang (27.5%) setuju namun begitu didapati 1 orang (1.4%) yang tidak bersetuju dan 4 orang (5.8%) sangat tidak setuju.

JADUAL 6 : Tahap Skor Min Kepentingan Solat

Berdasarkan jadual 6 di atas, tahap skor min bagi kepentingan solat juga dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu skor min 1.00 hingga 3.49 adalah rendah, 3.50 hingga 4.09 adalah sederhana manakala 4.10 hingga 5.0 adalah berada pada tahap tinggi.

Bagi item D01 hingga D06 (4.20 hingga 4.52) skor min responden mencatatkan tahap tinggi, item D07 hingga D10 (4.0 hingga 4.08) mencatatkan tahap sederhana manakala tiada direkodkan tahap lemah bagi kepentingan solat. Hasil dapatan ini dapat menunjukkan bahawa kesemua 69 responden mengetahui dan memahami asas kepentingan solat.

BAB 5

RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 PENDAHULUAN

Dalam bab ini akan diterangkan rumusan,perbincangan dan cadangan secara keseluruhan mengenai data-data yang diperolehi daripada hasil kajian yang telah dijalankan . Data hasil kajian ini telah dianalisis secara kuantitatif.

5.2 RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

5.2.1 Bahagian A : Maklumat Asas/ Demografi/ Diri Murid

Berdasarkan jadual 1 dapatlah disimpulkan bahawa kaedah *fish bowl draw* lebih dikenali sebagai kaedah persampelan rawak mudah digunakan dengan memilih sampel daripada populasi dengan cara mudah. Kaedah ini mewakili populasi,mudah dan senang difahami dan kesilapan boleh dikira. Jumlah murid dipilih adalah seramai 69 orang daripada 270 orang murid (25.55%) Tahun Tiga keseluruhannya. Terdapat 28 orang murid lelaki dan 41 orang murid perempuan yang mewakili 2 buah kelas iaitu 3 Hamka dan 3 Baihaqi.

Maklumat awal yang diperolehi,mendapati ibu-bapa sangat peka dan prihatin terhadap pendidikan agama dengan menghantar anak-anak ke kelas KAFA. Seramai 58 orang (84.1%) responden bersekolah dan hanya (15.9%) iaitu 11 orang sahaja yang

tidak bersekolah. Kesemua responden tinggal bersama ibu bapa mereka sendiri iaitu seramai 69 orang(100%). Seramai 59 orang (85.5%) ibu bapa atau penjaga bekerja sebagai kakitangan kerajaan dan seramai 10 orang (14.5%) ibu bapa atau penjaga adalah kakitangan swasta. Ini menunjukkan responden mendapat didikan awal tentang solat daripada ibu bapa mereka sendiri iaitu seramai 59 orang (85.5%) berbanding dengan ustaz atau ustazah di sekolah cuma 8 orang (11.6%) sahaja dan seorang (1.4) daripada rakan serta orang lain.

5.2.2 Bahagian B : Amalan Menunaikan Solat

Merujuk kepada jadual 2, analisis item amalan solat didapati bahawa peratus paling tinggi menunaikan solat setiap hari ialah solat Maghrib iaitu seramai 32 orang (46.4%), diikuti solat Asar seramai 29 orang (42.0%), solat Zuhur juga (31.9%) iaitu seramai 22 orang, solat Isyak seramai 18 orang (26.1%). Solat yang paling kerap diabaikan oleh murid adalah solat Subuh seramai 12 orang sahaja (17.4%) dan solat Jumaat atau solat sunat iaitu seramai 11 orang sahaja (15.9%). Hal ini suatu perkara yang berkait rapat dengan sosio budaya seseorang murid. Peratus kekerapan murid yang melaksanakan solat ini hampir sama dengan kajian yang dilakukan oleh Syarifah Nur Binti Abu (2012). Menurut Ramli Awang dan Rosmaizah Abdul Kadir @ Ismail (2011), di dalam kajiannya mengatakan responden kurang melakukan solat sunat di dalam kehidupan seharian mereka. Kebanyakan daripada mereka kurang berminat melakukan solat sunat di waktu malam. Pada waktu sepertiga malam kebanyakan masing-masing sedang nyenyak tidur dibuai mimpi. Padahal kita mengetahui bahawa *solat lail* mempunyai kelebihan yang dijanjikan Allah SWT.

Melalui pemerhatian dan temu bual pengkaji,peratusan murid yang menunaikan Solat Maghrib paling tinggi disebabkan majoriti murid menunaikan solat Maghrib sebelum pergi mengaji al-Quran atau sebelum menyiapkan kerja sekolah di antara waktu Maghrib dan Isyak. Pernyataan ini dipersetujui oleh seramai 32 orang (46.4%) mengatakan tidak pernah meninggalkan solat Maghrib dan Isyak kerana penat dan tidur awal. Kebanyakan murid telah menunaikan solat Zuhur berjemaah di surau sekolah sebelum mereka ke sekolah agama KAFA,hanya 5 orang sahaja (7.2%) yang mengatakannya tidak sempat. Bagi solat Asar pula, terdapat 5 orang murid (7.2%) yang tidak solat kerana leka bermain atau malas menunaikannya.

Jika dilihat daripada analisa di atas,seramai 21 orang (30.4%) yang kadang-kadang menunaikan solat Subuh,berkemungkinan mereka bangun lewat atau tidak tahu membaca doa Qunut. Walaupun solat Subuh paling kerap diabaikan oleh murid,hanya 5 orang (7.2%) sahaja tidak pernah menunaikannya.

Menurut Sulaiman Al-Kumayi di dalam buku Muhammad Abdul Latif (2011), terdapat tiga halangan dalam melaksanakan ibadah iaitu pertama *kasal* (malas) mengerjakan ibadah kepada Allah, sedang setiap insan sanggup beribadah kepada Allah. Yang kedua lemah fikiran atau tidak memiliki tekad yang kuat kerana terpengaruh dengan kehidupan dunia dan yang ketiga iaitu bosan atau cepat rasa bosan melakukan ibadah sedangkan tujuan belum tercapai.

Secara keseluruhan dapatan kajian pada bahagian ini menjelaskan bahawa responden kurang menitik beratkan dalam melaksanakan solat yang difardhukan ke atas mereka. Kekerapan pelaksanaan solat di kalangan murid berkait rapat dengan masa lapang berdasarkan gaya hidup. Mereka menganggap solat hanya perlu dilakukan

oleh golongan tua sahaja bukan kepada golongan sepertinya yang kesemuanya dalam lingkungan umur 9 hingga 12 tahun.

Sesungguhnya amalan atau perbuatan meninggalkan solat ini merupakan masalah yang serius dan cukup berat kerana baik buruknya perlakuan seseorang itu sangat dipengaruhi oleh solatnya. Jika ibadah solatnya baik, dilakukan dengan penuh kesempurnaan yang merangkumi aspek rukun, syarat dan penuh khusyuk ia akan dapat mencegah seseorang dari perbuatan keji dan mungkar. Aspek ini menjadi jawapan kepada pelbagai masalah yang timbul dalam organisasi atau pun yang melakukan tindakan-tindakan yang bertentangan dengan syarak.

Menurut Siti Rokiah Binti Abdul Ghani (2007), kajian dijalankan bertujuan untuk melihat tahap amalan solat dan hubungannya dengan akhlak pelajar. Hasil utama kajian ini mendapati bahawa tahap amalan solat dan tahap akhlak pelajar. Hasil utama kajian ini mendapati bahawa tahap amalan solat dan tahap akhlak pelajar adalah berada pada tahap tinggi. Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan solat berdasarkan jantina tetapi terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan solat berdasarkan pencapaian dalam Pendidikan Islam untuk SPM. Hasil kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam akhlak pelajar berdasarkan jantina dalam Pendidikan Islam untuk peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Dapatan kajian ini mendapati wujud hubungan di antara amalan solat dengan akhlak pelajar-pelajar.

Antara kemungkinan yang menyebabkan hal ini berlakulah kerana amalan tersebut berkait dengan konsep ketaatan, ketakwaan dan kehambaan kepada Allah SWT. Imam Al-Ghazali menyatakan bahawa semakin bertaqwa seorang mukmin itu semakin tinggi kehambaannya kepada Allah. Semakin tinggi kehambaan seseorang itu,

semakin tinggi ketaatan dan kepatuhan kepada Allah yang menjadikan kefahaman tentang konsep qada' dan qadar. Imam Al-Ghazali menyatakan bahawa "*bekerjalah kamu seolah-olah kamu akan hidup seribu tahun dan beribadahlah kamu seolah-olah kamu akan mati pada esok hari.*"

5.2.3 Bahagian C: Faktor-Faktor Dalam Menunaikan Solat

Berdasarkan jadual 3 di atas, jelas menunjukkan bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi murid-murid Tahun Tiga dalam melaksanakan solat fardhu adalah:

- i. Guru (Pendidikan Islam)
- ii. Diri sendiri
- iii. Ibu – bapa
- iv. Rakan
- v. Masyarakat

Sebanyak 10 item dikemukakan dalam bahagian ini dan min keseluruhan yang diperolehi adalah 3.97. Ini menunjukkan semua faktor yang dinyatakan memainkan peranan yang penting dan tinggi kepada responden dalam melaksanakan solat. Semua item yang dikemukakan menunjukkan nilai min berada pada tahap yang tinggi. Nilai min yang berada pada tahap tinggi iaitu item 1 "*Ibu bapa saya sering menunaikan solat di rumah*" dengan skor min 4.59 Seramai 52 responden (75.4%) sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Manakala seorang sahaja (1.4%) yang sangat tidak setuju. Ini menunjukkan bahawa responden mendapat apa yang sepatutnya daripada ibu-bapa mereka. Ibu bapa menjadi *role model* dan contoh teladan yang baik kepada anak-anak supaya mereka menjadi seorang insan yang beramal soleh dan bertaqwa kepada Allah Taala. Menurut Faten Faqeriah (2007) menjelaskan bahawa ibu bapa adalah role

model dan contoh teladan terbaik kepada anak-anak supaya anak-anak menjadi seorang insan yang beramal soleh dan bertaqwa kepada Allah SWT. Menurut Rosnah (2007), ibu bapa yang kurang memberi penekanan tentang kewajipan solat kepada anak-anaknya akan menyebabkan pelajar tidak melakukan ibadah solat di rumah maka contoh yang kurang baik kepada pelajar untuk mempraktikkan dan mengamalkannya di rumah.

Min kedua tertinggi iaitu 4.42, item 2 "*Guru banyak membantu saya memperbaiki bacaan dalam solat*". Seramai 40 orang responden (58.0%) sangat setuju dan 21 orang (30.4%) setuju dengan pernyataan ini. Situasi ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya bimbingan berterusan terhadap murid. Bimbingan ini perlu dikembangkan dan tidak terbatas hanya pada waktu PdP di dalam kelas sahaja malah boleh dijalankan melalui aktiviti-aktiviti Kem Bestari Solat dalam bentuk kumpulan kecil. Penguasaan ilmu yang tinggi terhadap ibadah solat melalui bimbingan akan menjadi faktor wujudnya kesedaran tentang kepentingan ibadah tersebut kerana solat yang ditunaikan dengan betul dan khusyuk akan memberi impak dan kesan kepada yang melaksanakannya. Ini selari dengan syarat penerimaan ibadah iaitu dilakukan dengan betul dan ikhlas.

Min ketiga tertinggi iaitu 4.39, item 3 "*Saya sentiasa berusaha untuk menunaikan solat dengan sempurna*" yang mana 44 orang responden (63.8%) sangat setuju dengan item ini. Dapat kita fahami melalui hasil dapatan ini bahawa satu perkara yang perlu diberi perhatian adalah di dalam diri murid tersebut sentiasa ada keinginan untuk memperbaiki dan meningkatkan tahap ibadah mereka khususnya ibadah solat. Ini bertepatan dengan kepercayaan penyelidik bahawa setiap murid berpotensi untuk dibangunkan. Keinginan ini juga menggambarkan bahawa murid

mempunyai pengetahuan tentang solat dan penguasaan ilmu dalam bidang ini wajib dipertingkatkan dan diperkukuhkan lagi sama ada secara langsung atau melalui program-program yang dirangka khas untuk tujuan ini.

Min keempat tertinggi iaitu 4.30, item 4 “*Guru mengingatkan saya untuk menunaikan solat dengan sempurna di samping tugas menuntut ilmu*”. Situasi ini menunjukkan betapa pentingnya bimbingan berterusan terhadap murid oleh GPI supaya murid tidak terus leka dengan kehidupan dunia. Pengisian daripada sudut rohani perlu dititikberatkan kepada murid dalam mencapai keredhaan daripada Allah SWT.

Jika dilihat pada item 5, skor min 4.07 “*Saya telah dididik oleh ibu bapa saya sejak kecil lagi untuk menunaikan solat.*” Dapat kita fahami melalui hasil dapatan ini bahawa satu perkara yang perlu diberi perhatian adalah ibu bapa. Seramai 35 orang responden (50.7%) sangat setuju ibu bapa mereka sentiasa menasihati mereka menunaikan solat sejak dari kecil. Ini bertepatan dengan pepatah ‘*Sekiranya melentur buluh biarlah dari rebungnya*’.

Bagi item 6 “*Saya mencontohi rakan yang sentiasa melaksanakan solat*” menunjukkan item ke dua terendah iaitu (skor min 3.97). Seramai 32 orang responden (46.4%) sangat setuju dengan pernyataan ini. Ini menunjukkan bahawa rakan merupakan pengaruh yang penting bagi responden untuk menunaikan solat. Menurut kajian Napisah Hj. Humni et.al (2004) pula, dapatan kajiannya menunjukkan bahawa lebih daripada separuh (65%) mengatakan pendidikan agama dan pengaruh rakan mempengaruhi pelaksanaan ibadah solat fardhu.

Item 7, 8, dan 9 yang memperolehi min sederhana, di mana item 7 “*Saya berasa tidak senang apabila tidak menunaikan solat*” (skor min 3.62), “*Rakan selalu*

mengajak saya untuk menunaikan solat di surau sekolah” (skor min 3.57) dan (skor min 3.42) bagi item “*Masyarakat sekeliling banyak mempengaruhi saya untuk menunaikan solat*” Penjelasannya adalah seperti berikut:

Bagi item 10 “*Ibu bapa akan memberi hukuman sekiranya saya meninggalkan solat*” Hasil dapatan menunjukkan bahawa (24.6%) responden sangat setuju bahawa ibu bapa mereka sangat prihatin tentang amalan solat mereka dan mereka akan dihukum sekiranya tidak menunaikannya. Sesungguhnya ibu bapa perlu memainkan peranan penting untuk memastikan anak mereka dapat melaksanakan amalan solat dengan sempurna.

Pengkaji ingin memberi tumpuan pada item 7 “*Saya berasa tidak senang apabila tidak menunaikan solat*”. Hasil dapatan ini iaitu (46.4%) menunjukkan responden masih mempunyai perasaan bersalah terhadap tingkah lakunya itu yang mana mereka memerlukan dorongan dan motivasi daripada masyarakat sekeliling. Selain itu, responden mempunyai keinginan dan berpotensi tinggi untuk mengubah sikap mereka daripada jarang-jarang melaksanakan ibadah solat kepada kerap untuk melaksanakan ibadah solat dengan kerelaan sendiri bukan paksaan.

Bagi item 9 “*Masyarakat sekeliling banyak mempengaruhi saya untuk menunaikan solat*” menunjukkan bahawa persekitaran dan masyarakat turut mendorong responden melakukan solat. Sebanyak (24.6%) responden sangat setuju dengan pernyataan ini. Menurut Norlyana Binti Sulong (2006), kajiannya bertujuan untuk melihat tahap pengamalan pelajar terhadap tanggungjawab solat. Kajian ini mempunyai tiga skop kajian iaitu pengetahuan, tahap pengamalan pelajar terhadap kesan perlaksanaan solat terhadap diri seseorang. Dari kajian ini diharap dapat memberi panduan kepada semua pihak agar asas peneguhan agama dititikberatkan di

kalangan masyarakat. Penyelidik bersetuju dengan pendapat beliau dan ingin menambah peneguhan agama bukan sahaja diterapkan dan ditekankan di peringkat sekolah sahaja tetapi ibu bapa perlu mengambil peranan di rumah dalam memberi penekanan agama terhadap anak-anak mereka.

Dapatan kajian juga menunjukkan beban kuliah dan pengaruh rakan sebagai faktor yang tidak menggalakkan pelaksanaan ibadah solat. Ini menggambarkan bahawa faktor pengaruh rakan amat dominan dalam mempengaruhi pelaksanaan ibadah solat di kalangan responden. Justeru, program-program yang melibatkan program kesedaran dan bimbingan rakan sebaya perlu digerakcergaskan untuk memaknakan penghayatan dan pelaksanaan ibadah solat itu sendiri.

Seterusnya item 8 "*Rakan selalu mengajak saya untuk menunaikan solat di surau sekolah*" adalah skor min sederhana (3.57). Peratus responden (26.1%) yang sangat setuju dengan pernyataan ini. Hal ini mungkin kerana sesetengah responden menganggap mereka melakukan ibadat solat atas kehendak sendiri dan bukannya ajakan atau pun dorongan daripada rakan-rakan sekeliling. Meskipun terdapat kajian yang mengatakan rakan sebaya berpengaruh besar dalam mempengaruhi tindak tanduk yang negatif tetapi tidak dalam kajian ini.

Kesimpulannya, amalan solat merupakan suatu amalan yang mulia di sisi Allah SWT. Solat dapat mendidik jiwa dan rohani bagi setiap manusia. Ia juga bertujuan untuk mengangkat darjat dan martabat manusia yang sering mengamalkannya serta mencegah kita dari melakukan perbuatan keji dan mungkar. Bagi mencapai tujuan dan matlamat tersebut, solat hendaklah dilakukan dengan sepenuh tumpuan dan ikhlas di hati serta dengan penuh kecintaan terhadap Allah sebagai khaliq yang menciptakan diri kita.

Menurut Sharifah Nur Binti Abu (2012), penglibatan pelajar terhadap solat tidak cukup dengan hanya mewajibkan dalam bentuk penguatkuasaan semata-mata tetapi perlu diterapkan dari segi kefahaman dan juga penghayatan.

Dapatan kajian ini menunjukkan pengamalan solat fardhu dalam kalangan murid Tahun Tiga di sekolah ini masih pada tahap sederhana. Akan tetapi murid mempunyai pengetahuan yang baik dalam hal ibadah solat dan penguasaan ilmu dalam bidang ini. Ia perlu diperkaya dan diperkukuhkan lagi sama ada secara tidak langsung atau melalui program-program yang dirangka khas untuk tujuan ini. Kaedah pendidikan kerohanian perlu dikaji semula dan diberi penekanan agar ia seiring dengan kecemerlangan akademik. Tanggungjawab dan peranan yang perlu dimainkan seharusnya dipikul bersama demi membentuk generasi *ulul albab* yang memahami tujuan kewujudan mereka di muka bumi ini.

5.2.4 Bahagian D: Kepentingan Solat

Berdasarkan jadual 5, dapatan analisis item kepentingan solat, didapati skor min pada tahap yang tinggi bagi setiap item. Jumlah skor min iaitu 4.21. Skor min tertinggi adalah item 1 iaitu 4.52. Seramai 49 orang responden (71.0%) sangat setuju “*Solat dapat menghapus dosa yang dilakukan*”. Sebanyak (73.3%) responden sangat bersetuju dengan item ini. Hasil dapatan ini dilihat sebagai suatu fenomena sihat yang menunjukkan bahawa dalam diri murid ada dorongan untuk memperbaiki diri. Mereka sentiasa berusaha dan berharap agar kesilapan-kesilapan masa lalu dapat ditebus dengan amal soleh. Kesedaran terhadap kesilapan yang telah dilakukan dan usaha untuk mempertingkatkan diri agar sentiasa diberi keampunan dan diredhai di sisi Allah melalui ibadah solat.

Skor min kedua tertinggi adalah item 2 iaitu 4.50. Seramai 50 orang responden (72.5%) sangat setuju "*Saya merasa lebih dekat kepada Allah melalui solat*". Ini menunjukkan responden mengetahui dengan solat dapat mendekatkan diri kepada Allah, merasakan diri diperhatikan, akan berasa kekuasaan Allah dan sentiasa ingin menunaikan solat tanpa disuruh.

Min ketiga tertinggi iaitu 4.30, item 3 "*Dengan mendirikan solat badan saya lebih sihat dan cergas*". Didapati (56.5%) responden sangat bersetuju dengan item ini. Hasil dapatan ini menunjukkan responden yakin dengan amalan solat dapat memberi kesihatan kepada tubuh badan dan mencedaskan minda. Di dalam solat ada terapi yang tersembunyi yang dapat dirasai oleh orang-orang yang khusyuk dalam solatnya.

Begitu juga dengan item 4, sebanyak (52.2%) responden sangat bersetuju bahawa dengan solat berjemaah mereka dapat menjalinkan hubungan silaturrahim sesama Muslim. Nilai murni ini perlu diterapkan sejak dari kecil lagi supaya ukhuwwah sesama Islam dapat dibentuk dengan lebih utuh. Ini bertepatan dengan item 10 "*Melalui solat berjemaah, saya dapat mengenali ramai rakan*". Dapatan skor min ke tiga terendah sebanyak 4.0 namun begitu terdapat (18.8%) yang tidak pasti. Keadaan ini berlaku kemungkinan murid menunaikan solat berjemaah di surau sekolah dan juga di masjid atau surau berhampiran tempat tinggal mereka di mana mereka telah mengenali satu sama lain. Ini juga mungkin dipengaruhi cara solat mereka iaitu selepas solat terus pulang ke rumah tanpa bertegur sapa dengan jemaah yang lain.

Min kelima tertinggi adalah item 5 "*Saya merasa berdosa sekiranya meninggalkan solat*" dengan skor min 4.21. Sebanyak (56.5%) responden merasa berdosa sekiranya meninggalkan solat. Timbulnya perasaan berdosa menunjukkan murid masih boleh dibentuk kerana tanggung jawab sebagai muslim masih menebal

dalam diri mereka. Perasaan bersalah kerana meninggalkan suruhan agama ini jika dipimpin dengan baik dapat mencetuskan kesedaran menyeluruh yang akan membawa individu ke landasan agama yang benar dan taat menunaikan suruhan Allah.

Bagi skor min seterusnya ialah 4.20 bagi item 6, "*Solat memberi kesan positif kepada kesihatan saya*" Seramai 35 orang responden (50.7%) yang sangat setuju, masih ada yang sangat tidak setuju iaitu seorang sahaja (1.4%). Ini menunjukkan responden tahu kepentingan solat dalam aspek kesihatan. Setiap pergerakan dalam solat merupakan senaman jasmani yang boleh member kesan positif pada tubuh badan. Manakala bacaan solat pula merupakan makanan rohani dan boleh menghindarkan *stress*.

Bagi skor min seterusnya ialah item 7 dengan skor min 4.08. Hasil analisis mendapati (50.7%) sangat setuju dengan item "*Melalui solat, menjadikan diri saya lebih bersistematik dalam tugas*". Manakala (15.9%) setuju, (29.0%) tidak pasti dan (4.3%) sangat tidak setuju. Dapat disimpulkan bahawa responden tidak menjalankan tanggung jawab dengan bersungguh-sungguh dalam tugas yang diberi oleh guru. Sebilangan kecil sahaja yang dapat melaksanakan dengan baik. Namun begitu murid yang leka ini perlu diberi motivasi supaya masalah ini tidak berlarutan.

Item 8 dengan skor min 4.04 "*Solat dapat mendisiplinkan pengurusan masa saya*". Didapati peratusan tahap sederhana dan responden sangat setuju sebanyak (34.8%). Sebahagian responden dapat membahagikan masa solat dengan baik di samping tugas menuntut ilmu. Ini bermakna responden dapat mengatur jadual harian mereka dan dapat menepatinya dengan konsisten. Allah menitik beratkan tentang penggunaan masa sebagaimana FirmanNya di dalam surah al-Asr. Sekiranya tidak

digunakan masa dengan perkara kebaikan maka seseorang itu dikatakan dalam kerugian.

Terdapat skor min yang kedua terendah pada item 9, "*Solat dapat mencegah diri saya dari melakukan maksiat*" iaitu 4.04. Didapati sebanyak (44.9%) yang sangat setuju. Situasi ini menunjukkan murid belum dapat menghayati ibadah solat keseluruhannya kerana di dalam al-Quran ada menyebut dengan solat dapat mencegah seseorang dari perkara yang mungkar. Murid masih perlu dibimbing untuk menghayati nilai solat mereka. Pendekatan yang berterusan dapat melahirkan generasi yang cemerlang dunia dan akhirat.

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa responden faham akan kepentingan solat dan tahu cara menunaikan solat akan tetapi mereka masih memerlukan sokongan dan dorongan daripada ibu bapa, guru serta masyarakat sekeliling. Dorongan yang berterusan boleh memantapkan amalan solat fardhu mereka dan dengan ini dapat mengurangkan masalah disiplin sekolah.

5.3 IMPLIKASI KAJIAN

Hasil dapatan kajian ini telah memberi beberapa maklumat penting tentang tahap pengamalan, tahap pengetahuan dan tahap penguasaan murid tentang solat fardhu. Sehubungan itu, diharapkan melalui kajian dapat membantu dan mendorong guru serta pihak terlibat secara langsung atau pun tidak langsung agar dapat melaksanakan langkah-langkah untuk meningkatkan lagi amalan solat di kalangan murid-murid.

Pengkaji mencadangkan beberapa langkah yang boleh diambil untuk penambahbaikan antaranya ialah:

- i. Mengadakan kempen Jom Solat di sekolah. Murid akan diberi pendedahan tentang amalan solat fardhu lima waktu. Antara aktiviti yang dicadangkan adalah kemahiran menguasai rukun-rukun solat dan dapat mengklasifikasikannya dengan tepat. Penguasaan rukun solat penting untuk menentukan sahnya solat seseorang. Murid juga perlu memantapkan diri dalam rukun-rukun iman. Individu Muslim yang mempunyai iman yang kuat akan dapat melaksanakan perintah Allah dengan ikhlas dan berterusan terutamanya dalam mendirikan solat. Menurut Mohd Yusuf Ahmad (2000) pendidikan iman bermaksud mendidik seseorang supaya keyakinannya tidak luntur dan tidak ragu-ragu. Dengan demikian akan terus menunaikan perintah Allah.
- ii. Mengadakan kelas Fardhu Ain secara klinikal bagi pelajar yang dikenal pasti lemah dalam pembacaan rukun qauli. Murid-murid akan diberikan didikan dan bimbingan dalam mendirikan solat dan penguasaan ilmu tajwid yang mantap dapat membaca al-Quran khasnya surah-surah pendek untuk dibaca dalam solat. Menurut Abdullah Al-Qari Haji Salleh (2011), menyatakan alangkah baiknya seseorang hamba yang bakal berjumpa dengan Allah di hari akhirat dapat meluangkan masa berlatih membaca bacaan-bacaan wajib dalam solat dan memperdengarkan kepada guru-guru mahir agar ditegur dan dikritik bagi menjadikan solat itu sah dan diterima oleh Allah.
- iii. Memperbanyakkan program keagamaan di sekolah dan pada waktu cuti sekolah. Antaranya memantapkan aktiviti dan tentatif dalam program Kem Bestari Solat supaya lebih berfokus dan terperinci. Pelaksanaan Kem

Bestari Solat ini dapat memberi kesedaran dan bimbingan kepada murid tentang perintah wajib mendirikan solat. Menurut Ibnu Qayyim al-Jauziyah (2006) menyatakan maka barang siapa yang diperingatkan dengan ayat-ayat tersebut tetapi tidak sentuh, tidak mengerjakan solat dan tidak mempercayainya bererti mereka bukan orang-orang mukmin. Oleh itu tidaklah dianggap beriman orang yang mengetahui firmanNya (dan dirikanlah solat) kecuali mereka yang melazimkan pelaksanaannya. Menurut kajian Asmawati Suhid, Lukman Abdul Mutalib (2009) kajian terhadap Program Kem Bestari Solat dapat menunjukkan bahawa secara keseluruhan, majoriti (93.8%) daripada guru-guru j-QAF berpandangan bahawa murid minat atau suka mengikuti Kem Bestari Solat. Pengkaji berpendapat dengan mengadakan Kem Bestari Solat dalam merapatkan hubungan guru dengan pelajar sekaligus memudahkan proses didikan dan bimbingan dalam penguasaan bacaan solat dan pelaksanaan solat secara berterusan.

- iv. Mewujudkan mini perpustakaan di surau sekolah bagi memudahkan murid membuat rujukan tentang solat dan peminjaman buku. Perbanyakkan juga buku-buku rujukan keagamaan yang bersesuaian dengan murid untuk melatih mereka mencari ilmu. Di samping itu juga, persatuan agama Islam perlulah melaksanakan kursus pemantapan dan penghayatan solat bagi meningkatkan kesedaran dan kepekaan murid terhadap kepentingan ibadah solat.
- v. Pentadbir sekolah juga boleh memainkan peranan dengan menyediakan jadual waktu mata pelajaran Pendidikan Islam di akhir sesi pengajaran dan

pembelajaran (PdP) untuk memberi ruang kepada murid melaksanakan solat Zuhur berjemaah. Murid dapat mempraktikkan amalan solat yang dipelajari dengan berterusan dan dipantau oleh guru. Dengan cara ini murid lebih memahami dan memberi impak yang positif.

5.4 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Kajian yang telah dijalankan ini merupakan kajian yang bersifat deskriptif bagi mengenal pasti sejauhmana tahap kefahaman murid tentang kewajipan menunaikan solat,mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi murid dalam melaksanakan solat fardu dan kepentingan ibadat solat dalam mempengaruhi sikap murid. Kajian ini merupakan kajian yang berasaskan sekolah. Oleh yang demikian adalah dicadangkan agar aspek-aspek berikut dapat diberikan pertimbangan untuk dijadikan sebagai sebagai bahan kajian lanjutan berkaitan dengan kajian yang telah dijalankan ini pada masa akan datang.

Pengkaji mencadangkan memperluaskan lagi kawasan kajian dari satu sekolah dalam satu tahun kepada beberapa buah sekolah. Ini memastikan responden adalah daripada pengalaman yang berbeza. Selain itu,pengkaji lain juga boleh mengenalpasti permasalahan yang berlaku di sekolah lain bagi memastikan variasi permasalahan dapat diselesaikan dengan baik. Kajian juga boleh dibuat berkaitan dengan amalan solat fardu serta sikap ibu bapa terhadap solat anak-anak.Ini bagi memastikan semua rukun solat dapat ditingkatkan penguasaanya.

Pengkaji juga mencadangkan agar kajian lanjutan diadakan berkaitan dengan Penghayatan Rukun-rukun Solat dengan mengkaji kaedah dan teknik yang lebih berkesan untuk meningkatkan pencapaian dalam rukun solat,Pemantapan Rukun Qauli

Dalam Solat, Seterusnya Cara Solat Mengikut Sunnah Rasulullah (SAW). Kajian lanjutan lain yang boleh dijalankan berkaitan dengan Kesedaran Murid Melaksanakan Ibadah Solat Secara Konsisten dan Kesannya Terhadap Akhlak Murid. Pengkaji lain juga disarankan melaksanakan kajian berkaitan Masalah Disiplin Berpunca dari Pengabaian Solat. Akhir sekali kajian lanjutan berkaitan dengan Pendidikan Awal Kanak-kanak Berkaitan Solat.

5.5 PENUTUP

Implikasi daripada penyelidikan ini pengkaji menyedari betapa perlu kerjasama dan pengetahuan tentang teknik dan cara pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang sempurna bagi memastikan murid dapat menguasai cara solat dengan baik untuk memastikan murid melaksanakan solat sama ada di rumah atau pun di mana sahaja mereka berada. Pengkaji mencadangkan agar guru Pendidikan Islam lebih mengambil berat tentang solat fardhu murid iaitu dengan melaksanakan memberikan penekanan yang serius untuk menghasilkan hasil yang terbaik. GPI juga perlu menyediakan bahan bantu belajar (BBB) dengan mencukupi sebelum melaksanakan pengajaran. Ini kerana didapati murid akan lebih memberi tumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran (PdP). Sebagai contoh penggunaan LCD iaitu untuk menayang video dan grafik sekiranya tidak diuji terlebih dahulu, kemungkinan LCD tidak dapat diguna sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP). GPI juga disarankan supaya meningkatkan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) amali solat sama ada dalam kelas perdana,, Kelas Agama Fardhu Ain (KAFA) atau dalam program Kem Bestari Solat. GPI juga memainkan peranan yang penting dengan perlu melaksanakan program solat berjemaah sekerap yang boleh bagi melatih murid tentang solat fardhu. GPI hendaklah

sentiasa mendekati diri dengan murid untuk memastikan murid tahu dan bermotivasi untuk melaksanakan solat fardu. Dengan ini dapat melahirkan modal insan yang taat untuk melaksanakan perintah Allah untuk mencapai jalan menuju ke syurga.

RUJUKAN

Al-Qur'anul Karim

Al-Hadith Al-Syarif

Abd Rahman Abdullah. (1996). *Pendidikan Al-Quran Membina Minda Dan Jiwa Cemerlang*. Terbitan Perniagaan Jahabarsa.

Ahmad Sunawari Long (2005). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Ainul Farhaan Harun, *Masalah Penguasaan Bacaan Asas Solat Dalam Kalangan Pelajar Bermasalah Pendengaran Di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin*. Unit Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin.

Al-Syeikh Muhammad Jamaluddin Al-Qasimi Ad-Dimasqi (2006) “*Intipati Ihya’ Ulumuddin: Pengajaran Bagi Orang-orang Mukmin. Imam Al-Ghazali*”. Darul Fajr, Kuala Lumpur.

Aminudin Hj Ehsan (2005) . *Pembangunan & Keberkesanan Pengisian PBK: Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) Bab Solat Berasaskan Teori Kecergasan Pelbagai (Mod Pembelajaran Visual & Musikal)* Jurnal Seminar Kebangsaan.

Anisah Ab.Ghani (2001). *Konsep dan Pengamalan Solat*. Al-Hidayah Publishers. Kuala Lumpur.

Dato’ Ismail Kamus et.al (2009). *Indahnya Hidup Bersyariat: Modul Fardhu Ain Diri, Keluarga dan Masyarakat Sepanjang Hayat*. Telaga Biru Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2011). “*Al-Fiqh Al-Manhaji : Ibadat Dalam Fiqh Al-Syafi’i*”. Darul Syakir Enterprise, Selangor.

Fathi Yakan. (1983). *Apa Ertinya Saya Menganut Islam*. Pustaka Salam.

Johari bin Yaman (2004). “*Bimbingan Penghayatan & Kesempurnaan Solat*” Penerbitan Nadi Minda Sdn.Bhd. Selangor.

Kamus Dewan Edisi ke-4 Cetakan ke 3 (2010) Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur.

Maryam Abdul Majid (1999). *Bimbingan Ibadat*. Penerbit Badan Cemerlang Sdn.Bhd. Johor Bahru.

Md Hashim Yahaya (2011). *Ensiklopedia Solat*. Telaga Biru Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

Mohamed Jusuh. (1990). *Panduan Ibadah*. Terbitan Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.

Mohd Arshad (1999). *Solat Fardhu sebagai Wadah Jamaah dan Perpaduan Ummah*. Penulisan Ilmiah.

Mohd Majid Konting (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Mohd Suhardi Bin Mat Jusoh (2001). *Pengabaian Solat di Kalangan Remaja: Kajian di Sekolah Menengah di Sekitar Daerah Pasir Puteh Kelantan*. Tesis Sarjana . Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Mohd. Najib Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru.

Mohd.Yusuf Ahmad (2000). *Sejarah dan Kaedah Pendidikan Al-Quran*. Kuala Lumpur.

Muhammad Abdul Latif (2001). *Solat Kesannya Keatas Iman dan Nafs*. Penerbit Darul Nu'man. Kuala Lumpur.

Napisah Hj. Humni et.al (2004). *Perlaksanaan Ibadah Solat Fardhu Di Kalangan Guru Pelatih Islam Maktab Perguruan Batu Lintang*. Jurnal Penyelidikan MPBL, Jilid 5. Kuching Sarawak.

Nor Azah Abdul Aziz (2011), *Kaedah Menangani Stes Dengan Solat*. Journal of Islamic and Arabic Education, 3, 1-10.

Norlyana Binti Sulong (2006). *Tahap Pengamalan Pelajar Terhadap Tanggungjawab Solat: Satu Kajian Di Kolej 11*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Ramli Awang dan Rosmaziah Abdul Kadir (2009). *Amalan Solat Sunat Di Kalangan Pelajar Tahun Akhir SPI*. Satu Kajian Di Universiti Teknologi Malaysia. Kertas Kerja. UTM.

Rokma bt Mamat (2006/2007). *Amalan Solat Sunat. Satu Kajian Di Kalangan Pelajar Akademi Pengajian Islam. UM*. Tesis Sarjana Muda.

Rosnah (2007). *Meningkatkan Kesempurnaan Solat Di Kalangan Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Seri Perak dengan Memperkasakan Rukunnya*. Kajian Ilmiah.

Siti Rokiah Binti Abdul Ghani (2007). *Amalan Solat Di Kalangan Pelajar: Kajian Di Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan (Ciastr), Shah Alam, Selangor*. Tesis Sarjanamuda. Bangi: UKM.

<http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=sekolah+rendah>

<https://ikhwahmedia.wordpress.com/2012/12/27/takhrij-hadits-sholat-itu-tiang-agama/>

LAMPIRAN